



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong
[Ruangan 45]

Mengangkat Sumpah (di luar Dewan) [Ruangan 55]

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 55]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 55]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 56]

Usul Takziah AIPO atas kembalinya ke Rahmatullah Tan Sri Nik
Ahmed Kamil [Ruangan 56]

Lantikan Ketua Pembangkang [Ruangan 57]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 58]

PENERANGAN Y.A.B. PERDANA MENTERI:

Projek Universiti Merdeka [Ruangan 79]

KANDUNGANNYA—(Samb).

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 80]**

USUL-USUL:

**Mengemukakan Rang Undang-undang Ahli Persendirian untuk meminda
Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 [Ruangan 81]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 119]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjasama dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- „ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAM BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- „ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabah Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JJSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MOY (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 10hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam, 9hb Oktober, 1978, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

Bismillahir-rahmanir-rahim.

Segala puji kepada Allah Subhanahu-wa-ta'ala, selawat dan salam kepada Nābi Muhammad Salla'llahu 'alaihi wa-sallam.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat:

Beta mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu-wa-ta'ala, yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan, sempena upacara pembukaan resmi Penggal Pertama Parlimen Kelima pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Beta berasa amat sukacita kerana Pilihanraya Umum telah berjalan dengan lancar dan teratur. Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak yang berkenaan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih Beta mengucapkan tahniah. Dengan selesainya masalah pemilihan, masanya telah tiba bagi Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas, tanggungjawab dan kewajipan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil rakyat. Beta juga meyeru rakyat, yang telah memberi mandat kepada pemimpin-pemimpin mereka, supaya melupakan perbezaan fahaman politik masing-masing, untuk bersatupadu memberi sokongan kepada usaha memenuhi semua dasar dan matlamat negara, seperti yang telah diputuskan oleh rakyat sendiri.

Malaysia sekarang telah merdeka selama 21 tahun. Buat kali pertamanya, satu generasi rakyat Malaysia merdeka telah mengambil tempat sebagai warganegara sepenuhnya. Di samping aspirasi dan harapan baru, generasi ini perlu menghargai kebebasan dari tekanan penjajahan, supaya mereka tidak akan lalai dalam perjuangan memelihara kemerdekaan Malaysia. Jangalah membenarkan diri dipengaruhi oleh fahaman asing yang boleh menjejaskan kebebasan kita.

Rakyat Beta telah membuktikan bahawa mereka mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk memajukan negara dan meninggikan taraf hidup kita. Segala kecekapan, tenaga dan kekayaan negara akan digunakan oleh Kerajaan Beta yang berjiwa rakyat untuk melaksanakan berbagai rancangan, supaya pembangunan menjadi lebih pesat dan taraf hidup rakyat, terutamanya mereka yang miskin, dapat ditinggikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat

Walaupun taraf kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan keseluruhannya adalah tinggi, tetapi memandangkan meningkatnya bebankerja dan aspirasi rakyat serta bertambah kompleksnya pentadbiran moden, Kerajaan Beta telah melancarkan satu usaha membaharui sistem dan alatan yang meliputi seluruh jentera Kerajaan. Melalui pembaharuan ini, berbagai halangan akan dapat diatasi dengan berkesan dan cepat. Kepada seluruh pegawai dan kakitangan Kerajaan, Beta menyeru supaya menyesuaikan diri dengan perubahan yang akan dilakukan dan berkhidmat dengan penuh semangat serta kebanggaan, untuk kejayaan dan kesejahteraan tanahair.

Ekonomi negara telah berkembang dengan pesat dan teguh. Prestasi yang baik ini membolehkan kita meningkatkan kemampuan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Kajian Semula Separuh-Penggal Rancangan Malaysia Ketiga sedang dijalankan untuk menentukan taraf pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan Beta berharap kajian ini akan menentukan masalah-masalah besar yang perlu diatasi, supaya tercapai sepenuhnya peringkat pembangunan yang telah ditentukan. Peruntukan tambahan dan pembedaan sistem pelaksanaan akan dibuat untuk mencapai maksud ini.

Sebagai satu lagi usaha ke arah membasmi kemiskinan dan mengatasi berbagai masalah yang dihadapi oleh kaum belia, satu Dasar Pertanian Negara yang baru sedang dibentuk. Adalah diharapkan bahawa dasar pertanian baru ini akan menjadi panduan, bagi perkembangan ekonomi pertanian yang lebih tersusun dan berfaedah kepada negara.

Usaha menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negeri akan diteruskan, dengan mengadakan galakan-galakan "fiscal" serta berbagai aktiviti dan tindakan yang berkesan. Sebuah unit pusat telah ditubuhkan untuk memudah dan meringkaskan proses pelaburan.

Kerajaan Beta memandang berat masalah dadah, yang melibatkan terutamanya golongan belia. Usaha mencegah penyakit ini akan ditambahkan. Beta menggesa segenap lapisan masyarakat, supaya sentiasa berwaspada dan melibatkan diri dalam usaha pencegahan ini, sebagai tanggungjawab keluarga dan anggota masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Berkat semangat yang gigih dan gerakan yang berlipat-ganda Pasukan Keselamatan Beta dengan kerjasama rakyat seluruhnya, maka keadaan keselamatan negara sekarang lebih terkawal. Dalam pada itu, rakyat Beta hendaklah sentiasa bersedia menghadapi musuh-musuh negara. Penyertaan rakyat dalam badan-badan mengawal keselamatan, akan meringankan beban Pasukan Keselamatan Beta, serta menyedarkan rakyat akan pengorbanan mereka dalam mempertahankan negara. Beta yakin bahawa dengan berpegang teguh kepada ajaran agama dan berpandukan kepada prinsip-prinsip Rukunegara, ancaman pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional dapat dihapuskan.

Dalam bidang hubungan luar negeri, Kerajaan Beta akan terus mengutamakan kerjasama serantau Asia Tenggara dan berusaha lagi untuk mewujudkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Peranan Malaysia dalam bidang kerjasama serantau di kalangan negara-negara anggota ASEAN akan dipergiatkan. Pengaruh ASEAN sudah mula berkembang di kalangan masyarakat antarabangsa. Usaha-usaha Kerajaan Beta akan dilipat-gandakan supaya menjamin kestabilan, kemakmuran dan keamanan serantau.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Beta suka mengambil peluang di sini membuat seruan kepada semua rakyat berbilang keturunan di dalam negara ini, berganding bahu menyokong penuh usaha-usaha murni oleh Perdana Menteri Beta yang dikasihi, dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan warganegara Malaysia. Kemajuan yang dicapai dalam bidang ekonomi, sosial dan politik tidak akan dinikmati berterusan, sekiranya kaum-kaum yang menjadi warganegara Malaysia yang dicintai ini tidak bersatu. Perbezaan dari ciri-ciri keturunan, agama, kebudayaan dan fahaman politik hendaknya tidak diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada perpecahan perpaduan. Sikap toleransi perlu dikekalkan. Yang hendak dititik-beratkan ialah persamaan serta persefahaman tekad dan cita-cita untuk mewujudkan satu masyarakat bersatu-padu. Matlamat ini berkehendakkan kerjasama dari semua lapisan rakyat jelata. Dengan adanya pemimpin yang jujur dan bertanggungjawab serta adanya rakyat yang insaf akan peranannya sebagai warganegara yang patriotik, baharulah dapat kita bersama-sama mara ke hadapan mewujudkan sebuah negara yang kukuh, aman dan makmur.

Akhir kata, Beta berdoa kehadiran Allah Subhanahu-wa-ta'ala semoga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekalian dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan kewajipan yang diamanahkan.

The English Translation is as follows:

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may the Blessing and Peace of Allah by upon our Prophet Muhammad.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat:

I offer my humble gratitude to Allah, Lord of the Universe, for His Grace and Blessings which enable me to deliver this Address on the occasion of the official opening of the First Session of the Fifth Parliament today.

Honourable Members:

I felt greatly gratified to note that the recent General Election had come to pass in a smooth and orderly manner. I wish to record my appreciation to all concerned. To the Honourable Members who have been elected I offer my congratulations. With the conclusion of the elections, the time has come for Honourable Members to devote their fullest attention to their tasks, responsibilities and duties as people's representatives. I would also like to urge the people who have given their mandate to their elected leaders to sink their political differences, and be united in supporting the task of fulfilling all national policies and objectives as determined by the people themselves.

Malaysia has been independent for 21 years. For the first time, a generation of free Malaysians have taken their place as adult citizens. Although they have their own hopes and aspirations which are new, it is important that this generation must learn to appreciate the value of freedom from colonialism, so that they might not lax in the defence of the independence of Malaysia. No alien ideologies which undermine our freedom should be permitted to have any influence over them.

My people have shown that they have the ability and capability to develop the country and improve the standard of living. Such capacity, energy and national wealth will be fully utilised by my Government which is characterised by the spirit of the people to implement various projects to bring about a more intensive development and to uplift the living standards especially of the poor.

Honourable Members:

The administrative machinery as a whole has attained a high degree of efficacy; however, due to the increase in the volume of workload, the rising expectations of the people and the multiple complexity of modern administration, my Government has launched a programme to modernize the systems and tools of the entire government machinery. With these innovative measures all developmental constraints will be effectively and expeditiously surmounted. I, therefore, call upon all government officials and staff to adapt themselves to these coming changes and with full dedication and a sense of pride to provide a service that will bring success and prosperity to the nation.

The nation's economic growth has been rapid and steady. This performance will enable us to enhance our capacity in implementing development programmes. The Mid-Term Review of the Third Malaysia Plan is being undertaken in order to determine the achievement of the

objectives of the New Economic Policy. My Government hopes that this review will identify the major problems that need to be resolved so that the development targets will be fully achieved. To this end additional allocations will be made and remedial measures in the implementation system will be undertaken.

To add yet another step in the endeavour at poverty redressal and to overcome the various problems of the youth, a new National Agriculture Policy is being formulated. It is hoped that this policy will be a guide for the development of a more organised agricultural economy with increasing benefit to the nation.

Efforts in promoting domestic and foreign investments will be intensified further through fiscal incentives as well as other meaningful measures. A central unit has been formed to facilitate and simplify the investment process.

My Government is greatly concerned with the problem of drug abuse particularly amongst youths. Efforts to curb this scourge will be increased. I urge every one at all levels to be continuously vigilant and be involved as a family and community responsibility in all preventive measures.

Honourable Members:

The valiant spirit and the intensified operations on the part of my Security Forces and with the co-operation of the people from all walks of life, have rendered the security situation in the country to be better controlled. Nevertheless, my people must be prepared at all times to comfort the enemies of the nation. Participation by the people in security-oriented organisations will lighten the burden of my Security Forces, and engenders a sense of appreciation amongst the people regarding the sacrifices of these Security Forces in the defence of the nation. I am confident that by adhering strictly to religious teachings and guided by the principles of the Rukun Negara, we shall be able to eliminate the communist terrorist threats and the anti-national elements.

In the field of foreign relations, my Government will continue to give its priority to regional co-operation in South East Asia and to strive even harder for the establishment of a Zone of Peace, Freedom and Neutrality. Malaysia will intensify its role in regional co-operation amongst the ASEAN member countries. ASEAN influence has been felt amongst the international community. My Government will double its effort to ensure stability, prosperity and peace for the region.

Honourable Members:

I wish to take this opportunity to call upon the people of all ethnic origins in this country, to join hands in support of the noble efforts of my beloved Prime Minister in his sincere task of forging a sense of solidarity among Malaysians. The economic, social and political accomplishments hitherto achieved will be thwarted if the citizens of various ethnic origins in this beloved country failed to unite. Emphasis on ethnic, religious, cultural and political differences should not be done on such a scale as to destroy national unity. The spirit of tolerance should continuously be maintained. What must be highlighted is mutual understanding of common aims and objectives and the determination to establish a united people. In order to achieve this, the co-operation of people at all levels is imperative. Only with sincere and responsible leadership, together with citizens fully conscious of their patriotic duty can we march forward to establish a strong, peaceful and prosperous nation.

In conclusion, I pray to Allah, Lord of the Universe, that He may bestow His Blessings and Guidance on the Honourable Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in the discharge of the tasks, responsibilities and duties entrusted upon them.

MENGANGKAT SUMPAH (DI LUAR DEWAN)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga memaklumkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

1. Yang Berhormat Puan Chow Poh Kheng pada 7hb Ogos, 1978;
2. Yang Berhormat Mulia Tengku Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail pada 21hb Ogos, 1978;
3. Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai pada 12hb September, 1978;
4. Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit @ Chan Kit pada 12hb September, 1978;
5. Yang Berhormat Datuk Harris bin Mohd. Salleh pada 19hb September, 1978.

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli-ahli baru yang telah mengangkat sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan tadi mana yang dapat hadir pada hari ini dan berharap semoga mereka dapat memberikan sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga hendak menyatakan iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-persetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1976 dan 1977) 1978;
2. Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1978;

3. Akta Peruntukan Diraja (Pindaan) 1978; dan
4. Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1978.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“28hb April, 1978.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mem-persetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1976 dan 1977);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan); dan
4. Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan).

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Negara.”

USUL TAKZIAH AIPO ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH TAN SRI NIK AHMED KAMIL

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Usul berkenaan dengan kembalinya ke rahmatullah Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil, bekas Speaker Dewan Rakyat Malaysia yang telah dipersetujui oleh ASEAN Inter-Parliamentary Organization dalam persidangannya di Singapura pada 27hb September, 1978 yang berbunyi demikian:

“Whereas, the Honourable Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil, former

Speaker of the Dewan Rakyat of Malaysia, met his Creator on the 20th day of December, 1977;

Whereas, the Honourable Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil was one of the moving spirits in the formative stage of the ASEAN Inter-Parliamentary Organization, a man who could rightfully be called one of its founding fathers;

Whereas, his inspiring leadership and untiring efforts had contributed towards the realization of the ASEAN Inter-Parliamentary Organization;

Whereas, his untimely demise is a great and immeasurable loss to this Organization;

Now, therefore, be it resolved, as it is hereby resolved, by the First General Assembly of the ASEAN Inter-Parliamentary Organization in Session assembled that it is the sense of this Organization to convey and express its heartfelt sympathy and condolence to the Dewan Rakyat of Malaysia;

Resolved, further, that a copy of this Resolution be likewise sent to the family of the late Honourable Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil."

LANTIKAN KETUA PEMBANGKANG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, akhirnya saya telah menerima sepucuk surat bertarikh 31hb Julai, 1978 yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Tuan P. Patta, Ahli Parlimen Menglembu, bagi pihak Ahli-ahli Parlimen D.A.P. dan Yang Berhormat Tuan Raymond Szetu Mei Thong, Ahli Parlimen Lambir dari Parti SAPO, menyatakan bagi pihak Ahli-ahli Parlimen Parti mereka masing-masing bahawa mereka telah memilih Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Petaling, sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen.

Walaupun Ahli-ahli Parlimen pihak Pembangkang yang lain seperti dari Parti PAS dan Bebas (Tidak Berparti) tidak menandatangani surat tersebut, tetapi oleh kerana Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang telah menerangkan kepada saya bahawa Ahli-ahli PAS bersetuju, maka dengan kerana itu saya

mengiktirafkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen mulai dari tarikh surat tersebut iaitu 31hb Julai, 1978 (*Tepuk*).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KERTAS UNDI DALAM PILIHANRAYA UMUM

1. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat perbezaan jumlah kertas undi yang dikeluarkan pada hari mengundi dalam pilihanraya umum 8hb Julai, 1978 yang lalu antara undi Dewan Negeri dengan undi Dewan Rakyat dalam kawasan yang sama, walaupun setiap pengundi diberi dua helai kertas undi iaitu satu untuk kawasan Dewan Negeri dan satu untuk Dewan Rakyat di masa yang sama dan jika ya:

- (a) mengapa kejadian seperti ini berlaku; dan
- (b) samada beliau bercadang menubuhkan sebuah jawatankuasa menyiasat yang bebas untuk menyiasat dan mengkaji perkara ini.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum, kerana ia tidak menyatakan kawasan tertentu, di mana terdapat perbezaan jumlah kertas undi yang dikeluarkan. Oleh yang demikian, saya tiada dapat memberi jawapan.

Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai bukti-bukti, perkara ini telah berlaku, Ahli Yang Berhormat itu bolehlah mengemukakan butir-butir berkenaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk disiasat.

PASUKAN POLIS BERGERAK BAGI JALANRAYA

2. Puan Yong Fatimah binti Md. Razali minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mencegah berlakunya kemalangan jalanraya yang menjadi-jadi pada hari ini; adakah Menteri sedar kereta-kereta berjalan dengan sangat laju di Jalan Kota Lama Kiri dan Jalan Talang dan

jika ya, adakah Pasukan Polis Bergerak akan diarahkan untuk mengawal di kawasan-kawasan laju terhad dan samada kawasan-kawasan kawalan ini akan diluaskan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sedar bahawa bilangan kemalangan-kemalangan jalanraya sudah mencapai satu tingkat yang sangat membimbangkan. Daripada 1967 hingga 1977, kemalangan-kemalangan jalanraya telah bertambah dari 16,815 hingga 55,917 dan kematian-kematian akibatnya telah naik dari 700 hingga 2,512.

Satu sebab yang utama yang menyebabkan kedudukan yang buruk ini ialah seperti berikut: kadar pertambahan bilangan kenderaan melebihi kadar perkembangan jalan-jalanraya. Dari 1967 hingga 1977, jalan-jalan persekutuan Semenanjung Malaysia telah bertambah dari 10,132 batu hingga 12,679 batu, tambahan sebanyak 29%. Tetapi dalam tempoh yang sama, bilangan kenderaan telah bertambah dari 505,455 sehingga 1,621,271, tambahan sebanyak 220%.

Kementerian Pengangkutan faham bahawa Jabatan Kerjaraya telah dan sedang membuat jalan baru atau memperbaiki jalan lama secepat mungkin. Baru-baru ini jalan-jalanraya yang elok yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Petaling Jaya, Seremban dan Karak sudah dibuka untuk kegunaan orang ramai. Untuk mempercepatkan lagi pembinaan jalan-jalan baru, khususnya di pantai barat Semenanjung Malaysia, Kabinet telah mengarahkan Jabatan Kerjaraya membina lebuhraya-lebuhraya secara tol dari Alor Setar sehingga Johor Bahru.

Walau bagaimanapun program membina jalan baru akan memerlukan masa. Buat sementara pemandu-pemandu kenderaan tidak ada opsyen yang lain kecuali memandu dengan sabar dan cermat. Kenderaan telah bertambah. Hakikat ini tidak boleh dinafikan. Akibatnya lebih masa diperlukan untuk sampai ke destinasi. Jadi tidak ada gunanya bagi seseorang pemandu itu memandu dengan laju dan potong-memotong. Ini cuma akan membahayakan diri sendiri.

Dari segi Jabatan Pengangkutan Jalan, tindakan tegas sedang diambil untuk mengawal keadaan ini. Pertama, sistem ujian memandu yang baru sedang dilaksanakan supaya

menentukan dengan lebih berkesan bahawa pemandu-pemandu yang betul-betul layak sahaja dapat lesen memandu kenderaan mereka di jalanraya. Kedua, pemeriksaan kenderaan sekarang dikaji dan disusun semula dengan tujuan memperbaiki sistemnya. Ketiga, pegawai-pegawai Pengangkutan Jalan dan Polis Trafik bekerjasama dengan lebih rapat untuk menentang kesalahan-kesalahan yang berlaku di jalanraya di negara kita.

Berkenaan dengan aduan bahawa kereta-kereta berjalan dengan sangat laju di Kota Lama Kiri dan Jalan Talang, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa perkara ini akan dibawa untuk perhatian dan tindakan pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan jalan. Pasukan Polis Bergerak akan diminta membantu Jabatan Pengangkutan Jalan, jika perlu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berlakunya accident ini ataupun pelanggaran kereta ataupun lori kerana deras ia berjalankah ataupun kerana jalannya itu cantik?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab kedua-duanya.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ialah untuk membina lebuhraya untuk mengatasi kemalangan jalanraya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa antara punca-punca kemalangan ialah lebuhraya di mana tidak dibina dengan mutu yang tinggi, seperti Lebuhraya Kuala Lumpur dan Seremban khasnya bahagian Kuala Lumpur sampai simpang pergi ke Kajang. Sungguhpun jalannya baru dibina beberapa bulan tidak diratakan, dan untuk kereta yang berjalan tidak lebih dari 100 batu sejam tetapi 60 atau 70 batu sejam jalan itu boleh jadi bahaya kerana road table itu tidak rata dan

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak berucapkah? Apa soalan tambahannya.

Tuan Lim Kit Siang: Mesti dipastikan bahawa pembinaan lebuhraya bermutu, oleh kerana kalau tidak, ini boleh jadi satu punca kemalangan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, jalanraya termasuk lebuhraya bukan dibina oleh Jabatan Pengangkutan Jalan tetapi oleh Jabatan Kerjaraya. Dari segi Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai jabatan yang bertanggungjawab atas pengangkutan yang menggunakan lebuhraya ini, kami rasa puas hati dengan standard lebuhraya itu. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan menyampaikan pendapat Ahli Yang Berhormat kepada jabatan yang berkenaan untuk perhatiannya.

Tuan Chan Teck Chan: Selain daripada langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan, adakah pihak Kementerian Pengangkutan akan memperbaiki sistem isyarat keselamatan terutamanya di lebuhraya antara Kuala Lumpur dan Seremban, kerana saya dapati sistem isyarat keselamatan ini sangat-sangat tidak memuaskan.

Dr Goh Cheng Teik: Ya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa satu daripada punca kemalangan jalanraya kita di sini ialah oleh kerana lori-lori balak dan lori-lori yang bermuat kayu yang sudah digergaji kadang-kadang bermuatan terlalu banyak dan lari lebih daripada hadnya. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar hal ini, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mencegah keadaan ini daripada berlanjutan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan yang baru telahpun mengambil tindakan yang tegas terhadap lori-lori yang disebutkan itu.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Mengikut keterangan Timbalan Menteri memang wujud kemalangan. Apa yang paling penting, saya suka bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, sejauh manakah enforcement unit yang ada di Kementerian itu mencukupi untuk melaksanakan undang-undang yang ada.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kekuatan Unit Penguatkuasa sedang dikaji dan kalau perlu tambahan akan diminta daripada PSD (Public Services Department).

Tuan Ikhwan Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri berkenaan telah menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Ketua Pengarah baru. Adakah ini bermakna bahawa Ketua Pengarah lama tidak mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah yang lama telah berkhidmat dengan memuaskan. Tetapi Ketua Pengarah baru ini lebih enthusiastic dan cuba improve standard itu.

PENDAPATAN PER KAPITA MELAYU DAN BUKAN MELAYU

3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan mengenai Keluaran Dalam Negeri Kasar per kapita bagi Negeri-negeri di Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kedua (1970-75) dan begitu juga pendapatan per kapita bagi orang Melayu dan bukan Melayu bagi tiap-tiap negeri di Malaysia, apakah usaha untuk meninggikan pertumbuhan purata di tiap-tiap negeri yang mempunyai potensi yang berlainan selaras dengan dasar pembangunan negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pendapatan per kapita yang dianggarkan untuk Negeri-negeri Malaysia adalah seperti berikut:

Negeri	1970	1975
	\$	\$
Johor	900	1,262
Kedah/Perlis	665	828
Kelantan	463	589
Melaka	798	1,106
Negeri Sembilan	979	1,382
Pahang	972	1,197
Pulau Pinang	987	1,323
Perak	981	1,101
Sabah	1,177	1,539
Sarawak	881	1,187
Selangor (termasuk Wilayah Persekutuan)	1,616	1,917
Trengganu	592	765
Malaysia (pada keseluruhannya)	993	1,250

Angka-angka ini dan alasan-alasan untuk perbezaan di antara Negeri-negeri telah di-huraikan dengan selanjutnya dalam Bab 10, Buku Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980.

Anggaran pendapatan per kapita berasaskan kepada jumlah pengeluaran ekonomi sesuatu negeri itu, dan anggaran ini tidak dapat disediakan mengikut kaum dalam sesuatu negeri oleh kerana data perangkaan mengenai-nya tidak dapat diperolehi. Data pendapatan hanya dapat diperolehi untuk sesuatu negeri pada keseluruhannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berbagai-bagai program pembangunan telah diadakan untuk meninggikan pertumbuhan purata bagi tiap-tiap negeri di Malaysia mengikut potensi atau keupayaan tiap-tiap negeri itu. Bagi Negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu dan juga Sabah dan Sarawak penumpuan diberikan kepada pembangunan yang berasaskan kepada sumber-sumber semula jadi, pembangunan pertanian, pembangunan tanah yang baru, pembangunan infrastruktur sosial dan fizikal dan galakan-galakan istimewa bagi memajukan pembangunan perindustrian. Strategi pembangunan Wilayah yang dijalankan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah bertujuan semata-mata untuk mengarahkan lebih banyak pembangunan ke negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar di Negeri-negeri yang miskin seperti negeri Melaka dan sangat kurang dari sumber alam sekitar supaya satu keseimbangan dapat diadakan di antara negeri yang maju dengan negeri yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai jawapan umum—boleh, tetapi khusus perkara begini, kenalah minta notis.

Tuan Chan Teck Chan: Umumnya.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan umum, boleh.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, secara umum pun saya sudah berikan tadi bahawa bagi negeri-negeri yang kurang maju penumpuan diberikan kepada pembangunan yang berasaskan kepada sumber

semula jadi di antara yang lain. Bagi negeri Melaka yang tidak mempunyai sumber semula jadi, saya telah menyebutkan bahawa Kerajaan menggalakkan pembangunan pertanian, pembangunan tanah yang baharu, pembangunan infrastruktur sosial dan fizikal dan galakan-galakan istimewa bagi memajukan pembangunan perindustrian. Itu saya fikir tepat bagi negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Puas hati Ahli dari Kota Melaka?

Tuan Chan Teck Chan: Ya.

PEMOHON-PEMOHON MASUK KE UNIVERSITI-UNIVERSITI

4. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pemohon-pemohon yang memohon masuk ke dalam universiti-universiti kita pada tahun 1978, pemohon-pemohon yang berjaya dengan memberi perpecahan mengikut kaum.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan pemohon yang memohon masuk ke universiti-universiti tempatan pada tahun 1978, bagi kursus ijazah yang memerlukan kelayakan STP/HSC ialah seramai 11,938 orang. Di antara angka ini seramai 4,400 orang telah berjaya dan pecahan penerimaan masuk mengikut kaum adalah seperti berikut:

Bumiputra	2,881
Cina	1,210
India dan lain-lain ...	309
	<hr/>
	4,400
	<hr/>

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan "India dan lain-lain". Kaum yang manakah yang dimaksudkan "lain-lain"?

Tuan Yang di-Pertua: Selain daripada India (*Ketawa*) seperti Pakistan, Sri Lanka. Itu satu-satu sahaja. Cukuplah itu!

Tuan P. Patto: Ya, tetapi saya hendak Menteri memberitahu, apakah maksud "lain-lain" dan bolehkah pihak Kementerian memberi angka pecahan juga bagi "lain-lain" seperti Pakistan, Sri Lanka, Arab dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Menteri ada angka itu bolehlah; kalau tidak, boleh dibawa ke masa lain.

Dato' Musa Hitam: Saya minta notis atas perkara ini, sebab "yang lain-lain" itu banyak campur-aduk.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Tuan Speaker tadi bahawa "lain-lain" itu maksudnya Sri Lanka, Pakistan dan lain-lain?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Yang Berhormat Menteri itu ikut cakap saya. Itu lazimnya. Ini oleh kerana Yang Berhormat baru masuk jadi Ahli di Dewan ini tahun ini. Biasanya di Dewan ini, perkataan "yang lain-lain" itulah dia maksudnya. (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya cuma mahu Yang Berhormat Menteri mengesahkan.

AHLI-AHLI PARLIMEN KE SABAH/ SARAWAK—KEENGGANAN KERAJAAN NEGERI

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa kedua-dua orang Ahli Parlimen bagi kawasan Petaling dan Ahli Parlimen bagi kawasan Kuala Lumpur Bandar telah tidak dibenarkan masuk ke Negeri Sabah dan Sarawak baru-baru ini, jika ya, adakah beliau sedar bahawa sikap tidak demokratik yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah menyebabkan perasaan malu bagi Kerajaan Persekutuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- (b) adakah beliau sedar bahawa keengganan membenarkan kedua-dua Ahli Parlimen itu masuk ke Sabah dan Sarawak bukan sahaja merupakan penyalahgunaan kuasa-kuasa Imigeresen negeri-negeri itu, tetapi juga telah menyumbang kepada kemunduran dalam usaha memajukan perpaduan negara di antara rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia menurut semangat Rukunegara; dan
- (c) adakah beliau akan, berhubung dengan apa yang telah berlaku, menasihatkan Ketua-ketua Menteri, kedua-dua buah

negeri itu selaku Ketua Barisan Nasional supaya menarik balik semua larangan yang dikenakan ke atas Ahli-ahli Parlimen Pembangkang Malaysia daripada melawat Negeri Sabah dan Sarawak, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa penuh untuk mengawal kemasukan warga-negara Malaysia yang bukan berasal daripada negeri itu mengikut perlembagaan dan peraturan Imigeresen di bawah Peruntukan Seksyen 65 (1) Akta Imigeresen 1959/63 yang telah diluluskan oleh Dewan ini.

Soalan (b) dan (c) tidaklah berbangkit.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun saya sedar bahawa negeri Sabah dan Sarawak ada mempunyai kuasa yang penuh atas hal Imigeresen. Tetapi adakah Kerajaan Pusat bercadang atau berhubung dengan negeri Sabah untuk memansuhkan semua larangan ke atas Ahli-ahli Parlimen khasnya Ahli-ahli Parlimen dari Parti Pembangkang daripada melawat ke negeri itu atas kepentingan demokrasi dan atas kepentingan hak asasi rakyat.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen adalah juga rakyat dan Akta ini adalah diluluskan oleh Dewan ini juga.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpendapat bahawa kuasa Imigeresen yang diberi kepada negeri Sabah termasuk kuasa untuk menyalahguna kuasa bagi menahan tokoh-tokoh politik khasnya daripada pihak Pembangkang untuk masuk Sabah untuk menjalankan kegiatan-kegiatan politik yang sah iaitu untuk legitimate political activity.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini bukan menyalahguna kuasa tetapi ia adalah kuasa menurut Perlembagaan. Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa yang absolute di atas perkara ini dengan sebab-sebab yang tertentu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya salahguna kuasa ini termasuk menyalahgunakan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan!

Tuan Lim Kit Siang: Adakah baik

Tuan Yang di-Pertua: Sabar. Duduk, duduk dahulu! Bila Yang di-Pertua bercakap, duduk dahulu. Tentang "salahguna kuasa", itu mengikut pandangan masing-masing, ia seperti teropong: pandang dari hujung sini, lain nampaknya; kalau pandang dari hujung satu lagi, lain pula nampaknya. Jadi apakah soalan tambahannya?

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh berpendapat bahawa perkara peristiwa itu bukan bererti salahguna kuasa. Jadi, adakah kuasa otonomi dalam perkara Imigeresen termasuk penyalahgunaan kuasa, tentu itu satu perkara yang tidak boleh dipertikaikan (disputed).

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, adakah itu "salahguna kuasa" atau tidak, jawab itu sahaja.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ah, itu sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Untuk mengelakkan Malaysia dijadikan satu laughing stock di arina dunia kerana rakyat Malaysia pun tidak diizinkan untuk melawat atau mengunjungi negaranya sendiri termasuk Ahli-ahli Parlimen, kerana apa-apa yang ada di Sabah dan Sarawak, kita anggap adalah sebagai Akta yang mencerobohi hak asasi rakyat Malaysia, maka adakah pihak Kerajaan akan review Akta-akta yang anti-demokrasi dan anti-human right?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Parlimen membuat undang-undang ini dan ini adalah terserah kepada Parlimen juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak begitu; soalnya adakah pihak Kementerian ini hendak mengkaji semula atau tidak, itu sahaja jawabannya.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana perkara ini melibatkan saya sendiri apabila saya

hendak pergi ke Sabah dalam pertengahan bulan Julai ini untuk membantu calon-calon DAP dalam pilihanraya umum dalam negeri Sabah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam kempen pilihanraya umum baru-baru ini tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional daripada Semenanjung termasuk Menteri-menteri yang ada dalam Dewan ini termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke Sabah untuk membantu calon-calon Barisan Nasional iaitu dari Parti BERJAYA atau USNO di Sabah. Dan adakah langkah untuk menahan saya ini seorang tokoh parti Pembangkang yang mempunyai calon-calonnya dalam Sabah masuk ke Sabah untuk menolong atau membantu calon-calon kami dalam Sabah. Ini satu perkara yang tidak adil, tidak demokratik dengan sebab itu penyalahgunaan kuasa yang ditunjukkan adalah tidak seimbang dalam perjalanan undang-undang di negara ini.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang di katakan tadi adalah kuasa Kerajaan Sabah dan Sarawak dan ada kalanya dibenar sesiapa masuk termasuklah ketua-ketua dari parti PPembangkang ataupun Kerajaan dan ada kalanya tidak, dan terserahlah kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Maran!

Tuan Hishamuddin bin Yahaya: Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberi penjelasan samada larangan itu oleh kerana Ahli-ahli Parlimen ini daripada Parti DAP ataupun larangan masuk itu ada kaitannya dengan perkara-perkara keselamatan?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, timbang-tilik ini adalah terserah kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sendiri, sebab-sebab yang mereka menahankan sesiapa memasuki negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tentulah ada sebabnya, Ahli Yang Berhormat dari Maran hendak tahu, adakah kerana keselamatan atau kerana apa?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada apa-apa.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar beliau yang menjaga portfolio ini yang ada berkaitan dengan Imigeresen bahawa tindakan-tindakan seperti penyalahgunaan kuasa di mana seorang Ahli Parlimen di Malaysia tidak boleh pergi ke negerinya sendiri dan ini merosakkan nama baik negara kita di dunia dan antara sebabnya kenapa pelabur-pelabur di luar negeri khuatir dan bimbang mengenai "rule of law" dalam negara ini, samada undang-undang boleh disalah gunakan seperti undang-undang Industrial Coordination Act. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan perkara ini dengan lebih mendalam dan berhubung dengan Kerajaan Sabah untuk kepentingan negara Malaysia dan bukan untuk kepentingan seseorang tokoh politik untuk mahu menjaga kepentingan sendiri supaya jangan terus menyalahgunakan kuasa, oleh kerana kalau begitu usaha-usaha itu akan habis.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, ini bukan soalan tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, usaha-usaha seperti yang dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menarik pelabur-pelabur akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua: Dia bertanya adakah hendak mengkaji dengan mendalam lagi, jawablah sahaja.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun berkali-kali menyatakan tadi keterangan yang sebenarnya tentang undang-undang yang ada, kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan terpulanglah kepada Kerajaan Negeri-negeri itu menggunakan undang-undang ini samada membenar atau tidak siapa memasuki negeri itu. Ini terserahlah kepada negeri itu dan ada kalanya ketua-ketua daripada Parti Pembangkang juga dibenar masuk ke negeri itu seumpamanya baru-baru ini Ahli-ahli Parti Pembangkang telah dibenarkan masuk ke negeri Sarawak.

GRUNMAN JET—PEMBELIAN

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, telahpun dinamakan pada April 13

oleh United States Securities and Exchange Commission (S.E.C.) sebagai pengerusi syarikat, Gaya House, yang menerima bayaran yang "berasuah, haram, tidak senonoh atau tidak dapat dijelaskan" dari Grunman Corporation untuk pembeli dua buah kapal Grunman Jet untuk Kerajaan Negeri Sabah dalam tahun 1971-1972; yang melibatkan US\$900,000; dan samada B.S.N. telah mula menyiasat tuduhan yang serius ini.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar, B.S.N. memang sentiasa menyiasat sebarang makluman yang kena-mengena dengan tugas-tugas Biro itu. Dengan itu, tidak ada sebarang pengecualian mengenai perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita di dalam Dewan Rakyat, kita datang dengan satu soalan yang spesifik dan kita mahu satu jawapan yang spesifik dan kita tidak mahu satu jawapan yang umum, kita tidak mahu jawapan yang memang sentiasa. Soalannya ialah samada perkara dalam siasatan oleh kerana maklumat-maklumat sudah jadi satu perkara yang terumum—terbuka.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Soalan Ahli Yang Berhormat itu telah saya jawab mengatakan maklumat yang diterima kita siasat—itu cukup!

Tuan Chan Teck Chan: Kalau kes ini sudah disiasat, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bilakah B.S.N. sudah memulakan tindakan, sudah tanya terhadap kes ini—beri tarikhnya.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Perkara ini dalam penyiasatan lagi. Saya tidak boleh bocor rahsia penyiasatan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Berapa lama masa yang diperlukan oleh N.B.I. sebelum ia dapat menghabiskan kes penyiasatan ini.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Kita kena tunggu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu betullah, tunggu sampai sudah selesai penyiasatan.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Sejak bilakah perkara ini mula diasiasat?

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Selepas dapat maklumat kita adakan penyiasatan. Sebagaimana saya maklumkan, dapat sahaja maklumat, kita mula siasat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bilakah N.B.I. dapat maklumat ini?

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Itu kita tidak boleh terangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta satu ruling oleh kerana saya rasa kita tidak boleh membiarkan seorang sungguhpun Menteri datang ke sini dan gunakan perkataan "rahsia" yang bukan rahsia untuk mengelakkan daripada tanggungjawab. Kita bertanya bila N.B.I. dapat maklumat itu, adakah apabila berita ini dilaporkan dalam *The Straits Times* atau dalam *Far Eastern Economic Review* adakah ini rahsia? Kalau rahsia lebih baik tutup Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada kerana seorang, Parlimen mesti tutup (*Ketawa*). Sabar—kata minta ruling. Dalam Peraturan Mesyuarat (Standing Orders) ada mengatakan Menteri oleh kerana atas kepentingan awam dengan persetujuan yang di-Pertua tidak payah menjawab sekiranya difikirkan perlu

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sila duduk! Jadi kalau Menteri dalam soal ini dengan sebab kepentingan penyiasatan tidak memberikan tarikhnya, itu termasuk di dalam Standing Orders juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka apa hendak lagi?

Tuan Chan Teck Chan: Tidak ada.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DAN SYARIKAT-SYARIKAT

7. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan bahawa Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru menyediakan bantuan dan galakan bagi menambahkan

penyertaan Bumiputra dan syarikat-syarikat Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian, adakah beliau sedar bahawa masih terdapat lagi sebilangan Bumiputra dan syarikat-syarikat Bumiputra yang telah mendapat kemudahan-kemudahan tetapi kekal menjadi alat sahaja; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa terdapat sebilangan Bumiputra dan Syarikat-syarikat Bumiputra yang telah mendapat kemudahan-kemudahan daripada Kerajaan dalam bidang perdagangan dan perindustrian, tetapi menyerahkannya kepada pihak-pihak bukan Bumiputra yang memperalatkan mereka. Di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap Bumiputra-bumiputra seperti ini ialah pada permulaannya menasihatkan mereka yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah tertentu supaya mereka sendiri mengusahakan perniagaan mereka. Setelah diberi tempoh masa yang menasabah, sekiranya didapati mereka tidak berbuat demikian, Kerajaan akan menarik balik kemudahan-kemudahan yang telah diberikan kepada mereka itu ataupun mengeluarkannya daripada senarai-senarai Bumiputra yang layak mendapat kemudahan-kemudahan. Masalahnya ialah bagi menentukan Bumiputra yang manakah menjadi alat. Jika ada maklumat lanjut silalah berhubung dengan Kementerian-kementerian dan pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan kepada Dewan ini apakah dasar pokok dalam soal perkara Alibaba dan tidak Alibaba ini sebab ada kelihatan bercanggah statement antara satu Menteri dengan satu Menteri lain mengenai masalah Alibaba dan joint-venture. Jadi di manakah kita draw line Alibaba itu dan bila kita panggil dia joint-venture.

Tuan Yang di-Pertua: Ada hendak menjawab?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Ini adalah soalan berlainan, tetapi sebagai menjawabnya, sebagai dasar memanglah Kerajaan menggalakkan joint-venture, iaitu berdasarkan kepada takrif yang telah diberi

oleh Kerajaan—51% dari segi pengurusan, 51% dari segi saham (shares) dan 51% dari segi pekerja dimiliki atau dikendalikan oleh Bumiputra. Inilah yang sebenarnya joint-venture yang digalakkan dan diakui oleh Kerajaan pada masa ini. Masalah Alibaba tidak berbangkit.

KAWALAN HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

S. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan setakat ini untuk mengawal harga barang-barang keperluan mustahak yang kian meningkat yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dalam Malaysia dan yang menyebabkan kesusahan kepada orang-orang yang miskin.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa harga barang-barang keperluan mustahak sentiasa meningkat harganya.

Setahu saya, harga barang-barang keperluan keluaran tempatan seperti gula, beras tepung gandum, susu, garam, roti, minyak tanah, gas pemasak, disel, petrol, batang besi dan simen adalah setabil dan tidak berubah dalam tempoh satu atau dua tahun yang lepas.

Saya beri contoh 5 barang sahaja.

Gula	65 sen sekati (peringkat runcit) (mulai April, 1975 hingga sekarang)
Beras Grade A2	60 sen sekati (peringkat runcit) (mulai 1974 hingga sekarang)
Garam	15 sen sekati (peringkat runcit) (mulai 1976 hingga sekarang)
Tepong	40 sen sekati (peringkat runcit) (1976)
	35 sen sekati (peringkat runcit) (1977)
	35 sen sekati (peringkat runcit) (1978)
Roti	40 sen satu buku 11 oz. (peringkat runcit) (1976)
	45 sen satu buku (peringkat runcit) (1977)
	43 sen satu buku (peringkat runcit) (1978)

Bagi setengah-setengah barang keperluan seperti ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan minyak masak harganya turun naik mengikut

keadaan penawaran dan permintaan. Sebahagian daripada barang-barang keperluan seperti ubi kentang, cili kering, bawang dan kacang dhal adalah diimpot dari luar negeri dan harganya adalah tertakluk kepada keadaan bekalan dan harga di negara-negara pengeluar yang di luar kawalan kita atau lain-lain negara pengimpot.

Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah yang perlu untuk mengawal harga barang-barang keperluan. Di antara lain langkah-langkah ini adalah seperti berikut:

- (i) Pekilang-pekilang barang-barang yang dianggap perlu yang diberi perlindungan tarif, pengecualian cukai atau galakan-galakan cukai tidak dibenarkan menaikkan harga barang-barang keluarannya tanpa kelulusan Kementerian saya.
- (ii) Permohonan-permohonan kenaikan harga adalah terlebih dahulu dikaji oleh Jawatankuasa Ulangkaji Harga (Price Review Committee) yang juga dianggotai oleh ahli-ahli Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Kebenaran kenaikan harga hanya akan diberi kepada pekilang-pekilang sekiranya terdapat sebab-sebab yang berpatutan seperti kenaikan kos pengeluaran atau bahan-bahan mentah. Juga, kenaikan harga akan diberi setelah mendapat persetujuan daripada Menteri sendiri ataupun daripada Jumaah Menteri.
- (iii) Pengeluaran Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977. Di bawah Perintah ini penjual runcit bagi 111 bilangan barang-barang termasuk barang-barang makanan, barang-barang bukan makanan dan barang-barang gantian kereta motor adalah dikehendaki melekatkan label atau tanda yang menunjukkan harga seunit atau seyunit berat barang-barang jualan mereka. Tanda harga ini bukanlah bermakna kawalan harga, cuma untuk membolehkan pengguna-pengguna mengetahui harga-harga jualan dan memilih di antaranya harga yang berpatutan dan rendah.
- (iv) Kerajaan telah mengisytiharkan sembilan belas jenis barang-barang keperluan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan tujuan untuk menentukan bekalan yang cukup. Apabila terdapat bekalan yang mencukupi, adalah diharapkan supaya

harga barang-barang tersebut akan setabil dan tidak berlaku kenaikan harga. Pada musim perayaan, dua puluh satu lagi jenis barang diisytiharkan sebagai barang kawalan untuk menjamin supaya bekalan barang-barang ini adalah mencukupi.

- (v) Pelesenan diwajibkan ke atas pekilang-pekilang, penjual borong-penjual borong dan peruncit-peruncit bagi sembilan jenis barang. Dengan penguatkuasaan peraturan ini, pengeluaran, pengedaran dan penyimpanan barang-barang kawalan tertentu dapat diawasi dan dikawal dengan lebih rapi lagi. Dengan cara ini penyimpanan stok-stok yang melebihi yang boleh mengakibatkan kekurangan "artificial" dan kenaikan harga boleh dihalang.
- (vi) Kempen Anti-sorok masih dikuatkuasakan untuk mengawasi penyorokan dan "profiteering" barang-barang kawalan.
- (vii) Penubuhan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan sejak 14hb Julai 1973 untuk memberi nasihat dan pandangan kepada Kementerian saya berkaitan dengan semua perkara-perkara kepentingan pengguna-pengguna.

Tuan Lee Lam Thy: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya samada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu jalan yang effective untuk mengawal harga barang-barang keperluan ialah dengan menubuhkan satu Tribunal Harga Berpatutan untuk mengawal harga barang-barang dan jika sedar, bilakah Kerajaan dapat menubuhkan satu Tribunal Harga Berpatutan itu?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak perlu ada satu Tribunal Harga seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu sebab dalam jawapan saya, saya telah pun mengatakan kita ada tujuh langkah yang kita telah ambil dan hasil daripada langkah-langkah itu adalah berkesan dan juga kita ada satu badan yang dinamakan Price Review Committee yang mengandungi ahli-ahli daripada National Advisory Council for Consumers' Protection yang mana kita memberi peluang kepada pengguna-pengguna memberi pandangan dan sebagainya supaya permintaan untuk menaikkan harga ini boleh ditimbang dengan sewajarnya. Sungguh-

pun begitu ada juga keputusan muktamad yang dibuat oleh Menteri atau Jumaah Menteri.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian samada butir-butir yang dikemukakan mengenai harga barang-barang tadi adalah menyeluruh, termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, kerana pada pendapat saya dan pada hemat saya memang wujud perbezaan harga barang-barang di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, harga yang telah saya berikan tadi ialah harga peringkat runcit yang ada di Kuala Lumpur dan ini cuma satu tanda, tetapi kalau bangkit perkara berkenaan dengan Sabah dan Sarawak boleh saya beri sedikit perangkaan sahaja yang menunjukkan pada tahun ini Angka Tunjuk Harga Pengguna (Consumer Price Index) telah jatuh pada tahun 1978 jika dibandingkan dengan tahun 1977. Seperti di Sabah Angka Tunjuk Harga Pengguna di dalam masa 6 bulan yang pertama tahun ini bertambah sebanyak 2.1% jika dibanding dengan 3.5% dalam tempoh yang sama pada tahun 1977. Jadi inflation rate telah rendah jika dibandingkan. Di Sarawak lagi berkesan sebab harga pengguna bertambah sebanyak 1.8% sahaja dalam masa 6 bulan yang pertama berbanding dengan 6.2% dalam tempoh yang sama.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini mengapa harga gula didapati sangat tinggi walaupun harga gula mentah hanya 14 sen satu pound di pasaran dunia?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri sudah jawab. Daripada tahun 1975 harga gula tidak naik.

Tuan P. Patto: Soalan saya mengapa harga itu tinggi?

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa harga itu tinggi juga?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi harga gula cuma 65 sen sekati daripada bulan April, 1975 hingga sekarang. Memang pada masa sekarang harga

gula di pasaran dunia telah turun tetapi kita hendak kawal harga ini daripada segi jangka panjang. Apabila pada tahun 1976 yang mana harga gula di luar daripada Malaysia \$1 sekati, tetapi kita masih menjual dengan harga 65 sen sekati. Sungguhpun harga sekarang telah turun sedikit tetapi kita masih mengawal harga ini. Jika kita tidak buat cara ini tentu kita kena mengikut harga dunia, apabila harga naik kita naik, harga turun kita turun sebab kita bukan sebuah negara yang mengeluarkan gula. Dengan ini cuma kita hendak impot gula yang mana kita menapisnya dan dengan ini daripada segi jangka panjang kita dapat satu harga yang stabil. Itu maksud Kerajaan.

Tuan Chan Teck Chan: Ada tujuh langkah untuk mengawal harga barang telah diambil, tetapi bekalan barang-barang keperluan sehari-hari tidak terkawal, umpamanya barang-barang keperluan seperti diesel khususnya di negeri Melaka seminggu hanya boleh membekalkan dua hari sahaja, sungguhpun harganya terkawal tetapi bekalannya tidak ada control. Di sini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan sudah diambil untuk mengatasi keadaan serupa ini, harganya terkawal tetapi bekalan (supply) tidak terkawal.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, masalah diesel ini boleh dikatakan terkeluar daripada soal mengadakan satu harga yang stabil. Harga diesel tidak naik. Soal Yang Berhormat tadi bertanya mengapa harga barang itu naik tetapi diesel tidak naik. Harga diesel mulai daripada bulan Februari, 1976 \$1.18 sen satu gelen (domestic price) tetapi soalnya bekalan, apa sebabnya bekalan tidak mencukupi di merata-rata tempat atau di tempat-tempat yang tertentu. Ini disebabkan pada masa sekarang kita ada dua peringkat harga (two-tier price). Harga bagi domestic dan juga harga bagi perindustrian. Ini ialah satu sebab, tetapi Kementerian saya telahpun mengambil perhatian berat di atas masalah ini dan berkenaan dengan tempat-tempat yang tertentu yang mana bekalan tidak cukup Kementerian akan mengambil tindakan sertamerta untuk mendesak syarikat minyak untuk membekalkan diesel ke mana-mana tempat yang kurang, tetapi masalah itu ialah masalah seperti yang saya katakan tadi iaitu two-tier price yang mana sekarang di bawah kajian Kementerian saya.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu mengenai harga gula yang disebutkan tadi iaitu apabila bahan mentah telah turun harga sekarang tidak turun juga, jadi apa kawalan yang dikenakan supaya harga gula itu juga tidak turun, pada hal turunnya harga gula itu memberi manfaat kepada rakyat.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah mengadakan satu penjaminan bekalan long-term sampai tahun 1980 yang mana kita dapat bekalan dengan satu harga yang ditetapkan. Kalau kita dapat beli gula dengan harga itu boleh kita mengkawalkan harga ini sampai jangka panjang iaitu tahun 1980 atau 1981.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa dalam beberapa tahun ini harga gula tidak dinaikkan. Sungguhpun kita semua tahu bahawa harga gula mentah di dunia telah turun, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam tahun ini baru-baru ini, keuntungan untuk kilang-kilang penapis gula seperti Central Sugar dan lain-lain ada mendapat keuntungan yang sangat tinggi. Adakah faedah turun harga gula mentah di dunia, untung kilang-kilang penapis gula keamanan dan tidak memberi keuntungan rakyat?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini sudah terkeluar daripada soalan asal.

MINYAK KELAPA SAWIT, SABAH— DUTI EKSEPOT

9. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang melonggarkan "DUTI-DUTI EKSEPOT" ke atas Minyak Kelapa Sawit dari Sabah supaya peneroka-peneroka Bumiputra yang miskin di beberapa sekim-sekim penempatan akan diringankan daripada terpaksa membayar duti eksepot yang berat ke atas minyak kelapa sawit, satu-satunya masalah utama dalam sekim-sekim tersebut pada masa ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan

telahpun mengambil tindakan untuk meringankan beban duti ekseptot atas peneroka-peneroka yang terlibat dalam perusahaan minyak kelapa sawit di Sabah. Sejak tahun 1975 lagi, Kerajaan telah memberi pengecualian separuh (50%) duti ekseptot atas minyak kelapa sawit yang dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sabah. Pengecualian ini sungguhpun diberi kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sabah, dinikmati juga oleh peserta-peserta Rancangan Pekebun-pekebun Kecil dan ahli-ahli Syarikat Kerjasama yang boleh menjual buah kelapa sawit kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sabah untuk diproses dan diekseptot. Adalah dimaklumkan juga kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini Kerajaan sedang menimbang rayuan dari negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang telah memohon supaya duti ekseptot yang dikenakan ke atas semua pengekseptot-pengekseptot minyak kelapa sawit di kedua-dua negeri itu dikurangkan.

PENERANGAN Y.A.B. PERDANA MENTERI

PROJEK UNIVERSITI MERDEKA

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak memberi makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan menyenangkan Urusan Mesyuarat Dewan ini, benarkan saya memberikan penerangan berkenaan dengan Usul yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, iaitu Usul Nombor 9 di muka 6 Aturan Urusan Mesyuarat berkenaan dengan projek Universiti Merdeka yang dicadangkan oleh Merdeka Universiti Sdn. Bhd.

Kerajaan akan memberi masa dan akan menetapkan tarikhnya dalam bulan Disember supaya Usul Ahli Yang Berhormat itu dibahaskan oleh Dewan ini. Kerajaan bersetuju berbuat demikian, oleh kerana issue ini adalah perlu dibahaskan oleh Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Itu terserah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berapa hariakah boleh ditetapkan untuk perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu kemudian, saya yang menetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1979

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1979 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1977 DAN 1978)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1977 dan 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGISYTIHARAN BINTULU SEBAGAI SATU PORT PERSEKUTUAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengisytiharan suatu kawasan di Daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat Negeri Sarawak menjadi suatu port persekutuan, mengenai pemindahan dan perletakan-hak kepada Kerajaan Persekutuan akan tanggungjawab bagi memajukan, mengawal dan mentadbir port itu dan mengenai semua perkara dan hal lain

yang perlu baginya, bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN KELAPA SAWIT

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta yang memperuntukkan penubuhan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Kelapa Sawit Malaysia dan Instituti Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia dan pengurusan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua dalam Mesyuarat kali ini.

USUL

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN UNTUK MEMINDA AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ-KOLEJ UNIVERSITI, 1971

3.38 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 49 untuk mencadangkan satu usul yang bertujuan mendapat izin Dewan ini untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang ahli persendirian bernama Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti (Pindaan) 1978 untuk memperuntukkan dengan jelasnya penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti kolej swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti 1971 tidak secara spesifik menghalang penubuhan universiti-universiti swasta, Akta tersebut telah ditafsirkan oleh Menteri-menteri Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sebagai tidak membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta.

Umpamanya, Yang Berhormat Menteri Pelajaran di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini di mana beliau telah mengumumkan penolakan petisyen untuk menubuhkan Universiti Merdeka oleh Kerajaan telah di antara tiga sebab yang diberikan

oleh beliau ketika membuat pengumuman itu mengata bahawa Universiti Merdeka akan dikelolakan oleh badan-badan persendirian tanpa bantuan Kerajaan.

Atau seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, di dalam teksnya yang disediakan semasa mesyuarat Parlimen yang lepas di mana beliau mengata "Juga oleh kerana adalah menjadi dasar Kerajaan pada masa ini tidak membenarkan penubuhan universiti persendirian (private universiti) maka itu Kerajaan akan terpaksa menolak permohonan penubuhan Merdeka Universiti yang dikemukakan oleh pihak Merdeka Universiti Sendirian Berhad".

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu! Ini untuk penjelasan dan kalau dia hendak beri jalan, bolehlah.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti dia boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tentu kita beri chance kepadanya nanti. Dan sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri dijangka melafazkan ucapannya ini pada bulan April. Timbalan Menteri Pelajaran semasa Dewan Rakyat bersidang di mana saya telah mencadang satu usul yang memberikan kebenaran Parlimen untuk penubuhan Universiti Merdeka ini tetapi pada masa itu yang akhirnya tidak dapat masa untuk membahas usul itu.

Pada bulan April tahun ini dalam satu interbieu eksklusif dengan akhbar Nanyang Siang Pau, Presiden MCA, yang sekarang menjadi Menteri Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam, telah mengisytiharkan bahawa Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti 1971 tidak membenarkan penubuhan sebuah universiti swasta.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia hari ini issiu tunggal yang merupakan sangat "divisive" sangat hangat dalam masyarakat kita ini ialah masalah kekurangan peluang-peluang untuk pelajaran tinggi untuk anak-anak kita.

Pada tahun 1977 yang lalu lebih dari 20,000 pelajar-pelajar kita tidak dibenarkan masuk ke dalam kelima-lima universiti tempatan sungguhpun mereka ini mempunyai

kelayakan akademis yang perlu. Mereka yang kaya mampu menghantarkan anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran tinggi tetapi majoriti rakyat yang miskin ditakdir melihat anak-anak mereka membazirkan kebolehan dan potensi mereka. Dalam masa dua tahun nanti, masalah ini akan menjadi lebih rumit dengan penukaran dari MCE kepada SPM kerana pada masa itu jalan untuk pelajar-pelajar kita pergi ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran tinggi akan tertutup kerana mereka ini tidak akan secara otomatik dapat masuk ke kolej-kolej dan universiti-universiti di negara-negara Komanwel disebabkan penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris adalah tidak baik.

Hari ini di dalam masyarakat kita, terdapat rasa kepahitan (bitterness) yang mendalam dan meluas tentang penafian peluang-peluang pelajaran tinggi untuk anak-anak kita. Dalam masa dua tahun nanti kepahitan ini akan bertambah buruk lagi.

Satu solusi segera ialah untuk Kerajaan menubuhkan sekurang-kurangnya dua buah lagi universiti baru, sebuah di Semenanjung Malaysia dan sebuah lagi di Malaysia Timur, mungkin di Negeri Sarawak.

Tetapi penubuhan dua-dua universiti ini adalah tidak cukup apabila kita memperhentikan bahawa beribu-ribu pelajar-pelajar kita kini sedang belajar di luar negeri. Memandang kepada hakikat ini Kerajaan harus membenarkan rakyat dengan sendirinya dengan sumbangan kewangan mereka sendiri menubuhkan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti persendirian untuk 'complement' dan 'supplement' usaha-usaha pelajaran Kerajaan untuk menentukan terdapat peratus tenaga rakyat layak yang tinggi di negara ini supaya negara ini boleh maju dengan lebih cergas dan dapat kemakmuran lebih cepat dan keadilan distributive justice boleh dicapai.

Saya ingin menegaskan bahawa kemajuan sesuatu negara itu diakibatkan khasnya oleh rakyat sendiri dan bukan dengan kewangan atau sumber-sumber kewangan yang lain. Pelaburan human investment samada oleh Kerajaan atau sektor swasta merupakan satu pelaburan yang baik yang akan menguntungkan negara kita ini.

Saya ingin menyeru masalah ini berkenaan peluang-peluang pelajaran tinggi yang sejajar dengan tuntutan dan aspirasi sah rakyat

hendaklah dipandang dari kacamata kebangsaan, kacamata nasional bukan dari kacamata perkauman. Criteria atau ukuran yang penting ialah bagaimanakah peluang-peluang pelajaran tinggi boleh disediakan untuk pelajar-pelajar kita tanpa mengira keturunan mereka.

Rakyat dari semua bangsa khasnya orang-orang bukan Melayu sedar tentang hakikat bahawa orang-orang Melayu adalah mundur dari segi pelajaran dan mereka menyokong semua bantuan dan kewangan Kerajaan untuk membetulkan ketidakseimbangan yang bersejarah ini.

Tetapi saya tidak fikir seorang pemimpin yang berfikiran waras dan Malaysia-minded akan mengata bahawa orang-orang bukan Melayu hendaklah ditahan atau disekat dan sebilangan besar pelajar-pelajar bukan Melayu hendaklah dinafikan peluang pelajaran tinggi semata-mata untuk membetulkan ketidakseimbangan bersejarah ini kerana ini bukan sahaja akan menjadi 'detriment' kepada pelajar-pelajar bukan Melayu tetapi akan pada akhirnya menjadi 'detriment' kepada negara kita yang mempunyai orang-orang Melayu dan orang-orang bukan Melayu, dan juga akan meruncingkan kesedaran perkauman dan bitterness serta memburukkan dengan dahsyatnya polarisasi kaum di negara kita.

Malah bukanlah menjadi satu "understatement" jika saya mengatakan bahawa bitterness yang dirasakan oleh ramai orang di Malaysia berkait dengan penafian peluang-peluang pelajaran tinggi untuk anak-anak mereka merupakan salah satu sebabnya terdapat polarisasi kaum di negara kita hari ini. Dengan ini saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa bukanlah menjadi niat sesiapa pun bahawa orang-orang Melayu hendaklah diberikan peluang-peluang pelajaran tinggi yang kurang tetapi peluang-peluang pelajaran tinggi hendaklah diperluaskan untuk menampung tuntutan pelajar-pelajar kita khasnya pelajar-pelajar bukan Melayu.

Cadangan saya ini untuk meminda Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti atau UUCA untuk memperuntukkan dengan jelasnya supaya universiti-universiti dan kolej-kolej universiti persendirian adalah satu cadangan yang adil dan menasabah. Ianya akan membantu menghapuskan rasa bitterness wujud di dalam masyarakat kita ini, mengurangkan racial polarisation dan

menyumbangkan ke arah pembangunan kebangsaan dengan melatih lebih banyak lagi tenaga rakyat yang layak dan jimatkan wang Kerajaan untuk dibelanjakan untuk tujuan-tujuan lain.

Pilihanraya Umum 1978 telahpun lalu dan semua Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen hendaklah mengeneppikan kepentingan parti dan berfikir dan berpandukan kepada kepentingan negara serta anak-anak kita. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa cadangan saya ini dibuat bukan dengan tujuan mahu mengadakan satu konfrontasi tetapi untuk mendapatkan satu penyelesaian kepada suatu keadaan, satu masalah yang jika dibenarkan berterusan tidak akan membawa faedah kepada negara kita ataupun usaha membina negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini ialah menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) dan saya perhatikan usul ini tidak bertentangan dengan Perkara 67 Perlembagaan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mengemukakan usul ini atas namanya sendiri dan telah menyatakan tujuan dan perkara-perkara besarnya. Tiap-tiap usul seumpama ini dikehendaki ada penyokongnya. Siapa menyokong?

3.50 ptg.

Tuan P. Patta (Menglembu): Tuan Speaker, saya mohon untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh rakan saya Ahli dari Petaling yang mana beliau meminta kebenaran Dewan ini untuk mengemukakan satu private member's bill yang bertajuk Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti (Pindaan) 1978 untuk memperuntukkan dengan terangnya penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti persendirian.

Tuan Speaker, rakan saya telahpun menerangkan dengan seberapa dalam dan luas tentang tujuan Rang Undang-undang yang dicadangkan itu. Ia sudahpun menjadi pengetahuan umum bahawa opportunity bagi pelajaran tinggi di tempat-tempat pelajaran tinggi atau institut-institusi pelajaran tinggi di Malaysia sudahpun mendapat perhatian orang ramai di Malaysia hari ini.

Tuan Speaker, rakyat Malaysia bertambah berat memandang peluang-peluang yang terbuka bagi semua rakyat Malaysia untuk menerima pelajaran tinggi di universiti-universiti dan kolej-kolej universiti tempatan. Adalah menjadi hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan tidak dapat memperuntukkan tempat-tempat yang cukup di dalam universiti-universiti tempatan bagi anak-anak kita yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang cukup dan perlu untuk memasuki dan mengikuti pelajaran tinggi. Tuan Speaker, biarlah diketahui di sini bahawa hak untuk menerima pelajaran adalah satu hak—an inalienable right bagi setiap rakyat dan hak ini tidak boleh dan tidak mesti dinafikan. Hak untuk menerima pelajaran janganlah ditafsirkan dengan sempitnya untuk memberi erti bahawa hak ini hanya untuk menerima pelajaran rendah dan menengah tetapi hak ini juga meliputi pelajaran universiti.

Tuan Speaker, pelajaran bukanlah satu perkara yang berhenti. Dengan izin, Tuan Speaker, education is, after all, a never ending process.

Tuan Speaker, Pengisytiharan Hak-hak Asasi Antarabangsa juga mempunyai provisi-provisi di mana hak untuk menerima pelajaran ada disebut di dalam pengisytiharan itu dan pengisytiharan itu juga diterima dan disokong oleh Kerajaan kita sendiri. Kerajaan Malaysia nampaknya telah menyelweg daripada provisi itu seperti mana terdapat dengan penolakan beribu-ribu pelajar-pelajar yang berkelayakan daripada memasuki dan mengikuti pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan setiap tahun.

Kerajaan juga telah membuktikan tanpa apa-apa syak wasangka bahawa ia telah gagal untuk memberi pelajaran universiti kepada semua rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan untuk menerima pelajaran universiti. Oleh yang demikian, ia juga telah membuat sumbangan yang luas dalam hal mengeluarkan tenaga rakyat yang mana kemahiran (talents) tidak dieksploit, tidak dikembangkan dengan seluas-luasnya. Kerajaan telah membuktikan impotence dan incapability-nya dalam hal memberi pelajaran khususnya pelajaran tinggi kepada rakyat Malaysia. Dalam hal ini, sebuah Kerajaan yang rasional dan yang waras, yang telah gagal untuk memberi tempat kepada semua pelajar-pelajar yang layak untuk memasuki dan

mengikuti pelajaran di universiti-universiti tempatan tidak akan membantah penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti persendirian. Satu provisi untuk membenarkan penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti persendirian akan menyumbang untuk mengatasi masalah wastage of human resources yang sehingga kini tidak dieksploit atau tapped to the fullest.

Tuan Speaker, masanya sudah tiba bagi pihak Kerajaan untuk berhenti daripada meletakkan halangan-halangan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh orang ramai yang memandang berat terhadap perkara ini untuk menubuhkan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti persendirian untuk membuat sumbangan dalam perkara melatih tenaga rakyat/kemahiran.

Tuan Speaker, akhirnya sebagai Ahli-ahli Parlimen kita mempunyai tanggungjawab dan tanggungjawab ini janganlah disempitkan sebagai tanggungjawab kepada hanya kawasan kita tetapi tanggungjawab ini juga meliputi tanggungjawab kepada negara dan rakyat dan dalam hal ini saya meminta pihak Barisan Nasional untuk menarik balik whip mereka dan membenarkan setiap komponen parti di dalam Barisan Nasional yang ada di dalam Dewan ini untuk bangun dan merakamkan pendirian mereka terhadap usul yang dibawa oleh rakan saya dari Petaling.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada lazimnya usul yang dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 49 ini, setelah dijawab oleh Menteri berkenaan dan dalam soal ini ialah Yang Berhormat Menteri Pelajaran, tidak dibahaskan melainkan selepas itu diambil undi sahaja. Tetapi saya bersetuju perkara ini penting, perkara ini patut juga beberapa orang mengambil perbahasan. Jadi saya akan buka untuk dibahas.

3.48 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Speaker, saya mohon menentang usul ini.

Pada mulanya saya mesti menyatakan usul seperti ini tidak merupakan satu usul yang mesti ditolak tetapi dengan sebab muslihat jahat dan keadaan dan cara usul ini dibentangkan dalam Dewan ini, patut ditolak, patut ditentang. Di masa orang ramai khususnya orang-orang dari keturunan bukan

Melayu sedang bimbang akan peluang pelajaran dan kepada mereka yang ingin membina nasib anak cucu mereka, kepada mereka yang ingin membina nasib negara ini, memanglah sudah sampai masanya bagi kita menerangkan dengan terang buah fikiran kita dengan jujur supaya satu penyelesaian, satu solusi yang sesuai dapat menyelesaikan satu masalah pelajaran yang kompleks dan mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk membahaskan usul ini. Saya menentang usul ini kerana dua sebab.

Yang pertama, saya hendak membongkar-cara-cara Ahli Yang Berhormat dari Petaling menyelewengkan rakyat kita khususnya rakyat dari keturunan orang Cina dan kedua saya ingin mengambil peluang ini menerangkan apa issue yang sebenarnya dan mengambil peluang ini menerangkan pendirian MCA berhubung dengan issue ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, punca usul ini bukan dari Ahli Yang Berhormat dari Petaling, puncanya dari satu cadangan untuk menubuhkan satu universiti private bernama Merdeka Universiti. Punca cadangan ini telah berada bertahun-tahun dan pada tahun 1969 satu pertubuhan telah didaftarkan bernama Merdeka Universiti Berhad. Pada 10 tahun yang lalu cadangan ini sudah jadi satu issue yang emosi dalam golongan orang Cina dan juga dalam community orang Melayu. Dalam jangka masa ini banyak political opportunist termasuk Ahli dari Petaling menggunakan...

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau point of order, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 36.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan 36; 37!

Tuan Lim Kit Siang: 36 (1). Duduk! jangan takut bayang sendiri.

“36 (1) Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.”

Dan begitu juga kalau mahu sebut 36 (6)—
“36 (6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli lain.”

Tetapi kalau beliau mahu teruskan yang lain ini, tidak apa, saya boleh jawab nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini adalah ruling daripada saya berkenaan dengan mengeluarkan perkara yang tidak berkait, perkara ini ada berkaitan. Dan perkara yang mengatakan sangkaan jahat atau dalam bahasa Inggerisnya no member shall impute improper motives to any another member, dari mula-mula tadi saya memang hendak tahan. Mengenai perkataan menyeleweng, Yang Berhormat sendiri selalu sangat menggunakan perkataan menyeleweng dan sebagainya kepada Menteri-menteri. Jadi saya benar-benar itu, sudah selalu saya benarkan. Kali ini Yang Berhormat menerima pulalah. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh terima, nanti akan dapat balasan balik.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh berte-rusan begini. Sila teruskan.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya, saya akan menahankan apa yang saya nyatakan tadi.

Dalam cadangan ini banyak political oppor-tunist termasuk Ahli dari Petaling menggunakan issue ini untuk matlamat politik mereka dengan cara tidak bermalu, dengan cara exploitasi. Oleh sebab itu sudah jadi tidak hairan kerana Ahli Yang Berhormat dari Petaling membawa perkara ini di Dewan ini supaya dapat exploitasikan seterusnya.

Sebenarnya Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 telah diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 1971, lebih daripada 7 tahun dahulu. Kenapalah Ahli Yang Berhormat baru ini sedar atau insaf bahawa Akta ini kena dipinda? Sudah lebih 7 tahun Akta ini telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah, dia ini orang baru. (*Ketawa*)

Orang baru pun susah nampak juga. (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Saya tidak tahu apa maksud percakapan beliau dan saya rasa Tuan Yang di-Pertua mesti memutuskan di bawah Peratur-an Mesyuarat 36, dan saya minta dia tarik balik perkara itu. Nampak atau tidak nampak, itu soal lain. Kalau dia mata buta, lebih baik tukar cermin. (*Ketawa*)

Dato' Lee San Choon: Maksud saya dia pendek!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhor-mat itu rendah. (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Kalau saya pendek, saya minta Yang Berhormat Menteri bangun atas kerusi dan tengok. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan itu! Saya benarkan bangun setakat itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Ber-hormat Menteri nampak empat nombor ekor? Bolehkah nampak?

Tuan Yang di-Pertua: Siapa ada ekor di Dewan ini?

Tuan Lim Kit Siang: Dia ada empat ekor!

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain. Jangan ganggu orang bercakap. Kalau ganggu, nanti kena giliran Ahli Yang Berhormat diganggu pula. Jangan memberi sahaja, mahu terima juga. Sila teruskan.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kita berasa hairan Ahli Yang Berhormat dari Petaling baru ini dia sedar iaitu Akta ini kena dipinda dengan satu usul yang mustahak dan of public importance yang dibawa kepada Dewan ini. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah lebih bijak, lebih pandai, lebih cerdik.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita berbudi baik, kita boleh kata keadaan ini mungkin oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah matang dalam politik. Oleh sebab telah matang, beliau telah boleh mengidentifikasikan, mengexploitasikan satu issue yang boleh embarrasskan Kerajaan kita. Tetapi kalau

saya nyatakan seperti itu, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling oleh sebab beliau adalah seorang yang cerdik, yang pandai. Beliau adalah seorang yang membaca luas, yang faham peruntukan-peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971. Jadi seperti lain-lain peguam (lawyers) semua faham, kalau kata dia baru sedar, tahu implikasi Akta itu, baru insaf akan implikasi itu, inipun tidak adil kepada beliau juga.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kalaulah Akta itu cacat, seperti Ahli Yang Berhormat dari Petaling cadangkan, kerana apa dan sebab apa beliau tunggu hingga sampai 7 tahun baru bawa usul ini. Kerana apa dan sebab apa?

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya, sebabnya tidak susah difahamkan. Saya boleh menyatakan, dengan izin, "political chicanery" (*Tepuk*) dan beliau cuba embarrasskan Kerajaan Barisan Nasional. Beliau khasnya (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh buktikan.

Dato' Lee San Choon: Sebagai Ketua Pembangkang, beliau tidak ikut pun peraturan-peraturan yang ada. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit-sedikit saya biarkan, untuk menghangatkan Dewan (*Ketawa*)

Dato' Lee San Choon: Baru sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua, mengumumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu Yang Berhormat dari Petaling telah dilantik sebagai Ketua Pembangkang. Kalau Ketua Pembangkang itu, Tuhan akan tolong sama kita sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Ah, sudah minta tolong, sebab itu dia susah hati.

Dato' Lee San Choon: Itu lagi, tengoklah! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bukan minta tolong dengan Ketua Pembangkang, tetapi kepada Tuhan.

Dato' Lee San Choon: Political chicanery khasnya beliau cuba embarrasskan MCA. Beliau sebenarnya bukan cuba mentyelesaikan masalah yang serius. Kalau kita kata kita bertujuan hendak menolong pihak swasta dalam membantu institusi yang tinggi dalam negeri ini, soal ini patut disokong. Tetapi

usul yang dibawa dengan keadaan dan suasana yang ada dan muslihat yang jahat itu, kita tidak boleh jadi sebahagian dari komplot itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan, ini adalah satu cara tipu helah dengan sebab yang menasabah. Sebelum pilihanraya yang lepas dan juga dalam pilihanraya, Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan partinya telah eksploitkan issue ini khasnya dalam kalangan masyarakat China. Mereka berkata, cuma Lee San Choon sahaja kata Akta ini tidak boleh mengadakan satu Universiti China. Siapa kata tidak boleh? Mereka kata boleh. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak ada kata boleh membenarkan.

Izinkan saya tunjuk, Tuan Yang di-Pertua, ada tiga fail ini. Semua ada—"Lim Kit Siang cabar Lee San Choon", "DAP cabar Lee San Choon berkenaan dengan 'universiti.'" Saya tunjukkan satu dua tarikh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah baca di Dewan ini.

Dato' Lee San Choon: Pada 25hb April, kalau saya bacakan, Ahli Yang Berhormat itu barangkali tidak faham, sebab ini dalam bahasa China. (*Ketawa*). Jadi saya tidak payah baca (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dia sudah bankrap dan dia melemparkan tuduhan yang palsu.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, jangan ganggu orang lain bercakap. Melainkan atas tatatertib.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk! Bukan di sini tempatnya untuk debate antara Ketua-ketua Parti. Bukan di sini.

Dato' Lee San Choon: Saya bawa perkara ini, sebab masa Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan soalan ini beliau telah mengatakan apa telah jadi dalam issue ini. Saya tunjukkan bukti. Ada banyak bukti-buktinya.

Tuan Yang di-Pertua, di masa itu saya ada peluang juga iaitu apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi, ada peluang juga mengkomenkan Akta

Universiti dan Kolej Universiti 1971 itu dan saya menyatakan Akta itu tidak boleh jadi satu alat untuk menubuhkan satu Universiti China. Saya menyatakan ini interview saya. Semua bahasa ada: bahasa Inggeris, bahasa China dan bahasa Melayu pun ada. Interview saya, pada masa itu telah dikritik khasnya oleh DAP dan sedikit sebanyak MCA telah berkorban dalam pilihanraya. MCA telah menjadi punching bag, MCA telah menjadi convenient whipping board.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya quote sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang mana?

Dato' Lee San Choon: Tidak semua.

Tuan Yang di-Pertua: Cakapan siapa?

Dato' Lee San Choon: Cakapan saya seperti Ahli Yang Berhormat referred tadi.

Tuan Yang di-Pertua. Ada hubungan dengan perkara ini?

Dato' Lee San Choon: Ada.

“Question: Having asked so many questions on the university, what then will be the character of the Merdeka University?”

“Answer: The sponsors of the Merdeka University want to establish a University using Chinese as the main medium of the University. But at the same time they want the University to conform to the Universities and University Colleges Act 1971. The issue in question is that by conforming to the Act, the character of the University which the sponsors envisaged will not be what it is once the University is approved. Knowing full well that it is difficult to have a Chinese medium University established, they are leading the Chinese Community astray on this university. The truth is, the University which the sponsors envisage will have its character changed under the Act.

Dan seterusnya, what then is the MCA stand on this issue?

“The MCA stance on this issue is simple. We do not believe in shirking our responsibility. We do not wish to lead our people astray. We believe in telling the truth. The truth is, the Merdeka University established under the Act will be no different from existing Universities in the country and not a

Chinese medium University as the sponsors would like the Chinese community to believe. We believe that if it is the lack of higher education opportunities for Chinese Youth in existing universities, then it is our duty to ensure that there is fair and equitable distribution of university places for the Chinese youths. It is also our duty to reflect the aspirations of the Chinese to the Government on this matter.”

Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

“Why is it that the Merdeka University established under the Universities and University Colleges Act, 1971 will not be a Chinese-medium University?

Jawabnya: “The various provisions of the Act and the way the main authorities of the University will be composed cannot possibly make the Merdeka University a Chinese medium university, as the sponsors would like it to be believed. It is not even certain that some of the sponsors will be given representation on the Court and Council and especially the Council, the executive body of the University will consist mainly of Government appointees.”

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin DAP sedar, tahu, faham iaitu menurut Akta ini tidak boleh kita menubuhkan satu Universiti China. Tetapi walaupun begitu mereka terus-menerus menyelewengkan fikiran rakyat. Apa telah jadi hari ini? Apa yang kita lihat pemimpin DAP telah mengakui iaitu Akta ini cacat, Akta ini tidak cukup jelas, Akta ini kena dipinda. Sebenarnya hari ini Ahli Yang Berhormat dari Petaling cuba mencucikan dosa beliau dengan menggunakan Dewan ini, dengan menggunakan satu political gimmick. Tetapi saya ingin memberitahu kepada beliau iaitu semua minyak wangi dari Arab pun tidak dapat mencucikan ini. (*Ketawa*) Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa fasal minta maaf?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya nyatakan dalam bahasa Inggeris: All the perfumes of Arabia will neither wash away his sins nor his stench. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, inilah cara bertindak, tipu-helah DAP ini. Ahli Yang Berhormat dari Petaling cuba mengelirukan

rakyat kita khasnya rakyat China dan membawa mereka ke Garden Path membuat segala janji dan kalau tidak dapat dibuat memarahi MCA, MCA tidak buat. Ini keadaan yang jadi selepas kita bongkarkan tektik ini, jadi patutlah beliau sebagai ketua Pembangkang dengan mengatakan tektik telah dibongkarkan confess ini adalah mistake, tetapi tidak ada keberanian hendak confess, tidak ada keberanian hendak mengaku dan beliau pula hendak menggunakan kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat meminjam credibility kepada beliau supaya beliau jadi betul-betul Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya Dewan ini tidak boleh jadi satu pentas untuk sesiapa bermain sahaja, Dewan yang mulia ini tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan issue yang kita menghadapi bukan patutkah kita meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971—bukan. Issue yang ada di hadapan kita ialah adakah kita sanggup sebagai sebahagian dari komplot yang tidak honest yang deceitful ini. Adakah kita sanggup?

Tuan Yang di-Pertua, saya condemn teknik DAP ini, walaupun dalam MCA kita bukan perfect, kita tidak pernah capak kita perfect tetapi kita merasa lebih sukar lebih pratikal, realistik, lebih honest. We want to be more practical, we want to be more realistic, we want to be honest.

Tuan Yang di-Pertua: Minta izin dahulu.

Dato' Lee San Choon: Minta maaf. Kami sedar iaitu kita menghadapi satu problem yang serius dari kalangan pemuda kita dan khasnya pemuda yang bukan Melayu oleh kerana mereka ini di beberapa tahun yang lalu nampaknya kekurangan tempat-tempat pelajaran tinggi. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit gambaran kedudukan. Tahun 1971 di institusi-institusi peringkat universiti: orang Melayu 4,290 orang, orang China 4,372, orang India 657, lain-lain 309, jumlah 9,628.

Tahun 1977, Melayu ada 14,458, China ada 5,321, India ada 949, lain-lain ada 137. Jadi kalau percentage dalam peratusan tahun 1970 Melayu ada 44.5%, China ada 45.5%, India ada 6.8% dan lain-lain 3%. Tahun 1970 Melayu ada 69.3%, China ada 25.5%

Tuan Yang di-Pertua: Tahun berapa 1977?

Dato' Lee San Choon: 1977. India ada 4.5%, lain-lain ada 0.6%. Keadaan ini sudah menjadikan banyak frustasi dalam kalangan pemuda-pemuda dan juga ibu bapa kepada mereka. Oleh sebab keadaan itu di masyarakat China telah diwujudkan satu seized mentality, ini pada pandangan saya tidak sihat keadaan ini patut kita improvekan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Presiden MCA telah mengadakan perundingan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga rakan-rakan Kabinet saya sudah banyak kali dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakan dalam Kabinet pun bersetuju ini satu masalah yang serius dan langkah telah diambil dan akan terus diambil untuk membaiki gambarannya.

Sebelum saya menutup, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan sekali lagi kedudukan pendirian MCA. Kita mengulakukan pihak swasta untuk menolong, membantu dalam lapangan pelajaran yang tinggi. Kita percaya iaitu ini dapat complement dan supplement tenaga Kerajaan dalam membangunkan negara kita. Izinkan saya bacakan satu paragraph sahaja berkenaan dengan M.C.A. stand dalam issue ini.

Tuan Yang di-Pertua: Satu paragraph tak apalah.

Dato' Lee San Choon: 'What is the MCA stand on private institutions of higher learning?'

Answer: MCA's stance of the establishment of institutions of higher learning by the private sector is embodied in its Memorandum on the Education System submitted to the Cabinet Committee on Education. An extract of the recommendation 88.25 of the MCA Memorandum states:

"The Private Sectors should be allowed to assist in this field by allowing the establishment of private institutions of higher learning so long as they conform to the national aspirations and ideology as enshrined in the Rukunegara".

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya menutup ucapan saya dengan kenyataan ini sahaja dalam bahasa Inggeris, iaitu

Tuan Yang di-Pertua: Ini quotation atau bacaan sendiri?

Dato' Lee San Choon: Quotation, iaitu:

"You can fool some people some of the time, all the people some of the time, some of the people all the time but you cannot fool all the people all the time". (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan setiap Ahli Yang Berhormat hendak bercakap lagi dalam masalah ini saya suka minta tumpukan kepada perlunya dipinda Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1978 itu. Kalau khusus untuk Merdeka Universiti ini patutlah disimpan dahulu, tahan dahulu, untuk masa bila dibahaskan nanti sebagaimana telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, akan ada satu usul juga atas nama Ahli Yang Berhormat dari Petaling akan dibahaskan di Dewan ini. Jadi bertahan, bersabar sedikitlah tentang Universiti Merdeka itu tetapi kaitkan sedikit boleh berhubung dengan perlunya diadakan Rang Undang-undang Persendirian (Private Member's Bill) untuk meminda Akta ini. Jadi saya harap jangan banyak sangat dibincangkan hal Universiti Merdeka itu.

Saya tempohkan Dewan ini selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.56 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.56 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Yang Berhormat Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam telah menyatakan pendiriannya dan partinya tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Dewan ini. Saya akan beri pandangan saya dengan ringkas sahaja.

Dalam Usulnya di depan Dewan yang mulia ini, Ahli Yang Berhormat dari Petaling ingin meminta izin dari Dewan untuk Ahli-ahli Parlimen untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 untuk mengadakan peruntukan untuk menubuhkan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti persendirian supaya membolehkan rakyat dengan

menggunakan wang sumbangan mereka sendiri untuk meluaskan peluang-peluang pelajaran tinggi untuk pelajar-pelajar di yaysan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, jika itulah tujuan sebenar usul ini, saya menimbang usul ini sebagai sesuatu yang baik di dalam negara ini. Walau bagaimanapun harus dipertimbangkan samada keperluan sebenarnya untuk meminda Akta tersebut supaya tercapai tujuan dan matlamat yang ternyata dalam usul tersebut. Dalam fikiran saya, jawapannya ialah tidak.

Ahli Yang Berhormat itu menyangka bahawa Akta seperti yang sedia ada sekarang mencegah dari mendirikan sebarang universiti dan kolej persendirian. Sangkaan itu sebenarnya tidak benar. Di bawah Akta yang ada sekarang penubuhan institusi pengajian tinggi tersebut boleh dibenarkan. Seksyen 6 (1) Akta itu menyatakan dalam bahasa Inggeris:

(*Dengan izin*) "If the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that it is expedient in the national interest that a University should be established, he may by order:

- (a) declare that there shall be established a higher educational institution having the status of a University, which shall be a body corporate, for the purpose or providing, promoting and developing higher education in all such branches of learning as shall be specified in the order;
- (b) assign a name and style to that University; and
- (c) specify the location of the site which shall be the seat of that University."

Dalam Fasal 6 (1) dan lain-lain fasal yang saya telah teliti, tidak ada sekatan atau tidak boleh ditubuhkan universiti persendirian. Sebenarnya penolakan permohonan untuk menubuhkan universiti persendirian yang telah dijawab dalam jawapan Menteri Pelajaran bukan kerana tidak ada peruntukan dalam Akta tersebut tetapi kerana pertimbangan lain yang mana saya yakin rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat menerangkan kepada Dewan yang mulai ini.

Memandangkan ini jika usul Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk pindaan-pindaan yang telah dicadangkan pada Akta itu adalah seperti yang dinyatakan di dalam usul Bil pindaan yang telah dicadangkan adalah tidak perlu. Sebaliknya akan memberi

izin kepada Ahli Yang Berhormat untuk mencadangkan Bil pindaan ini akan memberi peluang bagi Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya dalam DAP untuk mengadakan modal politik yang besar dari ini yang akan membangunkan sentimen emosi di kalangan besar rakyat kita dan saya bimbang boleh mengakibatkan ketegangan perkauman polarisasi dan kemungkinan juga mengakibatkan pertentangan jika ini berlaku, ini tidak semua sekali demi kepentingan negara. Oleh itu, saya membangkang usul ini.

5.03 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menentang usul Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971.

Semua warganegara Malaysia menganggap soal pelajaran adalah sangat penting dan sebagai Ahli-ahli Dewan ini kita patut melihat soal pelajaran ini dari segi matlamat dan objektif negara kita. Kita semua mestilah berazam untuk membinakan satu negara yang bersatupadu dan matlamat inilah yang menjadikan satu faktor yang penting dalam perbincangan kita pada hari ini.

Dasar negara kita ialah untuk menjamin hak asasi dan juga memberi peluang seluas-luasnya kepada semua rakyat bagi memajukan diri masing-masing untuk kepentingan diri sendiri dan juga masyarakat pada keseluruhannya.

Soal pelajaran juga mestilah dikaitkan dengan keperluan tenaga manusia dalam merancang perkembangan ekonomi negara kita.

Usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling adalah tidak memuaskan dan tidak dapat diterima oleh Dewan ini. Pertama sekali usul itu tidak begitu jelas dan adalah di luar rangka bidang dasar pelajaran kebangsaan negara kita. Kedua, usul ini juga tidak menyentuh setengah masalah-masalah yang lebih penting berhubung dengan pelajaran tinggi dalam negara kita. Ketiga, usul ini juga nampaknya adalah didorongkan semata-mata oleh kepentingan-kepentingan politik.

Pendirian kita dalam soal pelajaran ini adalah jelas dan tepat. Semua warganegara kita mestilah diberi peluang untuk melanjutkan

pelajaran tinggi dan dalam hal ini yang lebih penting ialah untuk mendapatkan pelajaran yang sesuai dengan kehendak-kehendak negara kita.

Kita harus memberi peluang pelajaran kepada setiap rakyat yang bukan sahaja menepati kehendaknya sendiri tetapi juga akan memberi kemahiran sejajar dengan keperluan negara kita. Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini tidak menyentuh perkara-perkara yang lebih penting. Usul seperti ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita.

Saya fikir aspek yang lebih penting dalam dasar pelajaran tinggi negara kita seperti perkembangan universiti-universiti yang telah sedia ada sekarang ini atau soal mengkaji semula perkembangan-perkembangan di setengah-setengah universiti mestilah diberi perhatian yang sewajarnya. Di dalam beberapa hal adalah jelas bahawa setengah universiti yang ada sekarang ini dapat mengambil lebih ramai lagi penuntut-penuntut dan bagi setengah-setengah universiti patut juga kita kaji mata pelajaran dan juga kursus untuk disesuaikan dengan keperluan negara keseluruhannya.

Di satu peringkat yang lain pula perhatian patutlah diberi kepada institusi-institusi pelajaran politeknik yang bukan sahaja akan memberi peluang-peluang pelajaran dan latihan vokesyenal kepada warganegara kita tetapi juga untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang mahir dalam bidang teknikal dan profesyenal.

Pada masa ini kita nampaknya lebih mementingkan pelajaran aliran akademik dalam universiti-universiti kita. Mungkin telah tiba masanya bagi kita untuk meneliti keadaan yang ada sekarang ini.

Adakah negara kita mempunyai ahli-ahli teknik yang terlatih di semua peringkat dan dalam semua bidang untuk mengisi jawatan-jawatan kosong dalam negara? Sudah tentu sebagai satu negara yang sedang berkembang dengan pesat kita memerlukan lebih ramai lagi warganegara yang terlatih dalam bidang teknikal.

Dalam hal yang demikian itu institusi-institusi politeknik adalah tempatnya kita dapat melatih kemahiran seseorang itu. Kita harus memberi perhatian dalam bidang perkembangan institusi politeknik ini untuk

mengisikan bukan sahaja keperluan negara tetapi juga keperluan warganegara kita untuk mendapat pelajaran tinggi.

Dengan lebih mementingkan soal pembinaan universiti swasta Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak menyentuh masalah-masalah yang lebih penting yang dihadapi oleh negara kita.

Masalah-masalah yang saya maksudkan adalah masalah-masalah disiplin dalam sekolah, kadar kegagalan yang tinggi dan juga kualiti pelajaran yang rendah di sekolah-sekolah.

Dalam pelajaran tinggi pula kita pernah mendengar tentang pensyarah-pensyarah yang berhenti untuk berkhidmat di luar negeri dan juga kurang peluang untuk mendapat latihan adalah masalah-masalah penting yang harus mendapat perhatian kita sekalian.

Penubuhan universiti baru, samada swasta ataupun dianjurkan oleh Kerajaan, perlulah dikaji dengan telitinya oleh pihak Kerajaan, ahli-ahli akedemik dan juga golongan-golongan lain dari sektor awam dalam negara kita. Sebenarnya Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 mempunyai peruntukan bagi penubuhan universiti swasta. Dengan itu jelaslah bahawa pihak Kerajaan mempunyai sikap yang lebih luas mengenai perkara ini.

Cadangan untuk menubuhkan universiti baru sepatutnya tidaklah dibuat melalui desakan-desakan politik. Pelajaran sepatutnya tidaklah menjadi satu issue politik. Ia tidaklah seharusnya menimbulkan pertelingkahan politik dan tidak patut digunakan untuk mencapai tujuan-tujuan politik.

Jikalau kita kenangkan kembali sebab-sebab dan juga bagaimanakah usul ini telah dibawa kepada Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, maka nampaknya usul ini dibawa adalah semata-mata dengan tujuan politik.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menunjukkan belangnya dengan mengemukakan satu usul yang beliau tahu tidak mungkin dipersetujui oleh Dewan ini. Usulnya telah menimbulkan perasaan yang gelisah di antara kaum-kaum dalam negara kita. Oleh sebab yang demikian itu kita terpaksa menentang usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris. The Honourable Member for

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar! Yang Berhormat Menteri hendak buat quotation atau hendak bercakap lagi?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Hendak berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu lagi dalam bahasa Inggeris.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Sebagai sebuah negara yang membangun kita sudah tentu menghadapi berbagai masalah tetapi masalah-masalah ini kita dapat selesaikan jikalau kita mempunyai azam untuk menyelesaikan masalah itu.

Barisan Nasional akan berpegang kepada janji-janji dalam Manifesto Pilihanraya 1978 yang berbunyi, dengan izin:

“We will continue to improve the quality and expand the opportunities for education at all levels, ensuring just and equal facilities for all the people.”

Kita mempunyai banyak masa lagi untuk mengkajikan kenyataan-kenyataan dan issue-issue mengenai pelajaran ini. Setelah kita membuat kajian yang menyeluruh baharulah kita dapat mengadakan perubahan dalam pelaksanaan dasar pelajaran negara kita.

Tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah membuat satu keputusan untuk mengemukakan perkara ini kepada Dewan ini semata-mata bagi kepentingan politiknya. Dalam pergolakan politik ada musim pasang dan surut dan nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Petaling cuba untuk mengadakan satu keadaan air pasang bagi kepentingannya sendiri. Mungkin masa adalah musuhnya seperti yang pernah disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 dan juga Perlembagaan negara kita memberi peluang untuk membuat rayuan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menyelesaikan masalah universiti swasta ini tanpa membawanya melalui saluran-saluran politik.

Sesuatu negara itu mestilah berkembang mengikut kehendak dan azam semua rakyat dalam negara. Kita tidak dapat menentang

kehendak-kehendak rakyat dan jikalau kita berbuat demikian sudah tentu kita akan menghadapi malapetaka.

Jikalau kita menerima usul ini sudah tentu ianya akan membawa suatu sentimen perkauman yang akan memecahbelahkan negara kita sendiri.

Sebab itulah saya berani menyatakan bahawa tujuan Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini adalah didorongkan semata-mata untuk kepentingan politiknya sendiri. Semata-mata untuk kepentingan politik Ahli Yang Berhormat dari Petaling sanggup membongkok begitu rendah untuk mencapai tujuannya sendiri dengan tidak mengirakan kepentingan negara kita.

Semua issue-issue dalam perkara ini, terutama sekali dalam hal ini mestilah kita kaji dengan perasaan yang tenang supaya tidak menimbulkan satu keadaan syakwasangka dalam negara kita.

Cara DAP mengemukakan issue ini telah menimbulkan satu suasana yang mereka sendiri sedar tidak akan memberi peluang untuk mencapai tujuan yang mereka harapkan itu.

Semua masalah dapat diselesaikan jikalau kita sekalian sanggup untuk membincangkannya dengan secara jujur, tenang dan rasional.

Pada masa yang lepas kita telah berjaya menyelesaikan masalah-masalah yang lebih susah dan rumit yang melibatkan kepentingan semua kaum dalam negara kita. Dalam hal ini saya yakin kita dapat menyelesaikan masalah ini jua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menentang usul Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

5.20 ptg.

Datuk James Peter Ongkili (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberi pandangan seberapa yang perlu mengenai usul yang sedang dibahas di hadapan Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu mesti kita faham dengan sehalus-halusnya bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 itu telah dirangka dan diluluskan oleh Parlimen sesudah difikirkan dan dipertimbangkan seluas-luasnya di dalam Dewan yang mulia ini dan Dewan

Negara, Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 bertujuan bukan sahaja mengawal dan membimbing perkembangan pelajaran tinggi di negara kita, lebih dari itu Akta tersebut merupakan puncak atau kemuncak pemikiran dan hasrat tulin membina sebuah negara Malaysia yang bersatu padu melalui satu sistem pelajaran yang tunggal, menyeluruh dan berbentuk nasional.

Pemikiran dan sentimen untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang tunggal untuk negara sebenarnya bukanlah perkara yang baru. Kepada kita yang telah meninjau dan mengikuti perkembangan pendidikan di negara kita, adalah nyata bahawa pemikiran dan hasrat seperti itu telah mempengaruhi pemimpin-pemimpin kita lebih suku abad lamanya. Seawal-awal Laporan Pelajaran Barnes dalam tahun 1951 semasa Semenanjung Tanah Melayu sedang menuju ke arah pemerintahan sendiri terdapat hasrat nationalist itu yang bertujuan mendirikan satu sistem pelajaran yang terkawal dan berasaskan pada alam sekitar tempatan (local environment) dan sebelum kemerdekaan diisytiharkan Laporan Pelajaran Razak dalam tahun 1956 telah menentukan asas Kebangsaan sistem pelajaran rendah dan tinggi di negara kita.

Antara lain Laporan Razak itu yang seterusnya dimaktubkan dalam Akta Pelajaran, 1957 menentukan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah mengawal dan memastikan perkembangan pelajaran rendah dan tinggi yang bercorak kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang utama. Laporan Rahman Talib dalam tahun 1960 dan beberapa perubahan selepas tahun 1969, tahun yang bersejarah, adalah perkembangan-perkembangan yang hanya bertujuan memperkukuhkan lagi sistem dan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telahpun wujud itu di dalam tahun-tahun 1950-han. Jadi pendek kata menjelang tahun-tahun 1960-han Dasar Pelajaran Kebangsaan telah wujud, telah dilaksanakan dan diterima bukan sahaja di Semenanjung bahkan di Sarawak dan di Sabah manakala kedua-dua negeri itu memasuki Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah pemimpin-pemimpin, tokoh-tokoh, negarawan-negarawan kita memikirkan bentuk pelajaran yang sesuai dan menasabah untuk sebuah negara kita yang merdeka dan berdaulat dan sesudah sistem pelajaran kebangsaan itu berjalan dengan semakin berkesan baik terutama sekali dengan jenerasi muda kita yang telah

mengikuti sistem pendidikan tersebut dalam masa 20 tahun yang lalu, adalah sangat malang dan tidak siaman bagi kita dan bagi pihak DAP menggoncangkan dan menyelweng daripada Dasar Pelajaran yang sudah membuktikan keupayaannya membawa negara kita ke arah perpaduan dan kemajuan bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta perkataan siuman itu ditarik balik.

Datuk James Peter Ongkili: Saya tarik balik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum tahun-tahun 1970-han perseimbangan tidak ada di antara pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra di mana sangat sedikit anak-anak bumiputra yang dapat memasuki institusi-institusi pengajian tinggi dan hanyalah dengan terlaksananya Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 itu maka barulah perseimbangan mula kelihatan walaupun begitu perlahan-lahan. Tidak perseimbangan yang saya maknakan ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat dilihat di dalam satu cetakan yang bertajuk "Towards National Harmony" atau Ke arah Harmoni Kebangsaan yang telah dicetak sempena dengan kelulusan Akta Universiti dan Kolej Universiti dalam tahun 1971.

Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 telah diadakan guna menentukan supaya peringkat atasan sistem pendidikan kita akan dapat menunaikan keperluan-keperluan tulin negara kita terutama sekali dari segi tenaga rakyat yang berkelulusan tinggi atau berijazah, berkebolehan dan bersemangat kebangsaan. Semangat kebangsaan itu amatlah penting di peringkat atasan dan tinggi Dasar Pelajaran kita kerana di situlah kita harus menentukan samada orang dewasa Malaysia menjadi musuh di dalam selimut atau warganegara yang taat setia dan sedia berkorban untuk nusa dan bangsa.

Jadi bagi kami, Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 ini tidak perlu dipersoalkan sama sekali. Sekiranya ada keperluan, dari segi menambahkan lagi peluang-peluang untuk rakyat kita tidak kira kaum untuk memasuki institusi-institusi pelajaran tinggi maka Kerajaan boleh menambah bilangan universiti atau kolej-kolej universiti di negara kita mengikut provision yang sedia terdapat

di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 itu. Tetapi bukanlah dengan mengadakan institusi-institusi pelajaran tinggi persendirian yang akan diperalatkan oleh pihak-pihak opportunist kelak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kita menolak usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu. Seyogianya diingatkan bahawa penubuhan institusi-institusi pelajaran tinggi persendirian telah mengalami kegagalan di banyak negara. Adalah sangat nyata bahawa negara-negara yang baru membangun (developing nations) sangat sukar memastikan kejayaan institusi-institusi swasta atau persendirian.

Di India dan di Filipina misalnya hampir semua universiti dan kolej universiti persendirian atau swasta telah menjadi tidak lebih dan tidak kurang bengkel-bengkel mengeluarkan kertas yang dinamakan "Ijazah" akan tetapi langsung tidak diiktiraf oleh mana-mana pihak. Kalau kita ikuti jejak seperti itu, maka malanglah nasib negara Malaysia kita. Oleh ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kami menolak usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

5.32 ptg.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan supaya usul yang dikemukakan di Dewan pada waktu ini ditolak. Sebab saya mencadangkan demikian bukanlah kerana saya tidak menyokong satu cita-cita supaya tiap-tiap anak kita yang boleh pergi ke universiti diberi peluang hendak belajar di universiti.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini maklum, kalau boleh inilah satu keadaan kemewahan dalam negara kita yang ingin sangat kita hendak capai. Tetapi malang sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ini seperti juga negara-negara yang sedang membangun sentiasa berhadapan dengan soal terbatasnya resources. Tambahan pula, dalam keadaan negara yang sedang membangun kita juga terpaksa menyesuaikan langkah-langkah yang kita jalankan di bawah dasar pelajaran kita dengan keadaan dari satu masa ke satu masa yang menggambarkan masalah-masalah kita membangun sebagai negara yang cukup bersatu.

Atas dua perkara ini maka tidak dapat tidak soal dasar pelajaran kita, soal penubuhan sekolah-sekolah dan universiti-universiti kita mesti mendapat bimbingan dan panduan yang cukup baik dari pihak yang mempunyai maklumat dan kuasa dalam soal merancang pembangunan negara kita amnya.

Rakan saya dari Tuaran telah menyebut bahawa di dalam negara Malaysia ini kita telahpun mencari jalan yang paling baik untuk menjelmakan dasar-dasar yang sesuai untuk menubuhkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dari berbagai-bagai kaum yang ada dalam masyarakat kita.

Pressure memang ada di dalam kalangan masyarakat kita sekarang ini untuk mendapatkan lebih banyak lagi peluang supaya lebih banyak lagi tempat dapat diberi kepada anak-anak Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat universiti. Semakin tinggi hasrat rakyat, semakin tinggilah cita-cita ini. Kalau pada suatu ketika hanya anak-anak orang yang bergaji tinggi sahaja mempunyai cita-cita hendak masuk universiti, sekarang ini petani kita pun sudah ada cita-cita sedemikian.

Ini menunjukkan revolution of expectation yang sedang berlaku di dalam masyarakat kita ini boleh jadi kerana kejayaan yang kita telah capai dalam bidang ekonomi. Tetapi saya mesti memberi satu amaran di sini bahawa kita tidak dapat, walau bagaimanapun kita cuba, melaksanakan bagi memenuhi semua hasrat dan cita-cita rakyat dengan serta-merta, kerana mesti ada gap, mesti ada jurang di antara cita-cita ini dan kebolehan negara kita untuk melaksanakan cita-cita itu. Oleh sebab itu pemimpin-pemimpin kita dalam masa satu jenerasi sudah cuba mencari jalan-jalan yang baik yang boleh menggunakan resources kita yang terhad ini, dan mencari dasar-dasar pembangunan negara dari semua segi, terutama sekali memper-teguhkan perpaduan menerusi dasar pelajaran kita.

Saya berkata di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa soal dasar pelajaran tidak dapat kita pisahkan dengan soal pembangunan tenaga manusia di seluruh negara kita ini. Kerana kita tahu, revolution of expectation bukanlah berhenti hanya di setakat kemahuan rakyat hendak mencapai peluang sehingga pergi ke universiti. Revolution of expectation ini juga akan mendorong rakyat kepada peluang-peluang yang setaraf yang difikir mereka

patut diberi kepada mereka. Jadi soal yang patut ditimbang bersama ialah: adakah atau tidak boleh bagi kita dalam negara ini sesudah kita mengeluarkan beribu-ribu orang pelajar di peringkat universiti, mencukupi memper-kembangkan peluang-peluang bagi graduates ini mendapat taraf yang mereka harapkan—bukan peluang sahaja, tidak; peluang yang cukup tinggi. Dalam keadaan di Malaysia, ini kita telah mencuba sedaya upaya untuk menampungkan kekurangan yang ada bagi kita dalam beberapa jurusan pelajaran tinggi, supaya dapat menjalankan jentera Kerajaan kita dan jentera pembangunan kita. Ini sedang kita jalankan. Walau bagaimanapun sudah nampak sedikit tanda-tandanya ada graduates yang belum dapat pekerjaan pada peringkat ini seperti diharapi mereka.

Bagi hemat saya, kalau kita tidak meng-halusi perancangan kita mengenai manpower planning ini dan kita biarkan pula universiti tumbuh berkeliaran di sana sini dan mengeluarkan beribu-ribu graduates yang mungkin tidak dapat kerja atau yang kebanyakan tidak mahu bekerja dalam pekerjaan yang mereka anggapkan rendah daripada taraf mereka sebagai graduates—maka kita akan menambah bilangan orang-orang yang tidak puashati dalam negara ini yang akan menimbulkan banyak masalah-masalah yang mungkin akan menyentuh soal perpaduan di dalam negeri kita ini.

Bagi hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, lebih elok kita menyentuh soal education in toto dengan masalah peluang pekerjaan dan masalah pembangunan negara seluruhnya, supaya kita dapat mengelak jangan ada satu ketika bila Malaysia akan mengeluarkan terlalu banyak graduate yang tidak puashati. Kita sendiri ada melihat pengalaman negara-negara lain di mana orang yang ada degree (B.A. misalnya) pula bekerja menjadi bus conductor. Bukan saya kata bus conductor itu rendah tarafnya—tidak, tetapi ini menunjukkan bahawa pekerjaan yang didapati seorang graduate itu tidak memenuhi aspirasi. Jadi oleh sebab itulah soal pengawalan penubuhan universiti tidak boleh kita ketepikan pada ketika ini. Mungkin juga pada satu ketika, bila negara kita benar-benar sudah menjadi negara yang sudah membangun di mana mechanism of private sector and industrial development boleh berjalan dengan momentumnya sendiri, mungkin juga soal universiti swasta boleh ditimbang. Tetapi pada ketika ini, saya fikir Undang-undang tahun 1971 itu

sudah memadai bagi kita dalam konteks kebolehan kita sendiri memperkembangkan peluang-peluang universiti yang kita mampu hendak adakan bagi memenuhi hasrat rakyat kita sedaya upaya yang boleh.

Jadi oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini, saya berpendapat, Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 yang memberi kuasa kepada Kerajaan iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk melulus atau tidak penubuhan sesebuah universiti itu adalah kena dengan masanya, dan saya rasa tidak bijaklah bagi kita membatalkan segala kawalan ini pada ketika ini. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang, saya bercadang supaya usul yang dikemukakan ditolak.

5.42 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberi ucapan sedikit sahaja atas usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Sepertimana yang sudah dinyatakan oleh beberapa orang kawan saya yang sudah bercakap, perkara dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 memang sudah ada menyebutkan bahawa untuk menubuhkan institusi pelajaran tinggi adalah tertakluk kepada titah dan budibicara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dalam ertikata lain peruntukan tersebut tidak menyebutkan sebarang larangan untuk menubuhkan apa-apa institusi pelajaran tinggi baik yang bernama Universiti atau Kolej Universiti dengan syarat ianya dibentuk untuk kepentingan negara yakni untuk kepentingan nasional. Takrif kepentingan nasional itu pada umumnya, antara lain, termasuk keperluan negara kepada tenaga-tenaga yang mahir, keperluan kepada teknokrat dan pegawai-pegawai ikhtisas yang bertauliah dan berke Layakan, berkeperluan, juga pakar-pakar yang perhitungannya adalah dalam lingkungan keseluruhan aspek pembangunan negara. Memandangkan bahawa perkara tersebut sudah dibuat peruntukan istimewa dan sudahpun diserahkan kuasa untuk menentukan samada perlu atau tidaknya menubuh universiti pada budibicara Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka satu Akta atau Rang Undang-undang

yang baru adalah seolah-olah mahu menafikan kuasa yang telah ada itu. Jadi apakah sebenarnya maksud Yang Berhormat mengemukakan usul ini. Secara jujur tentulah kita merasakan bahawa Rang Undang-undang yang hendak dibawa oleh Yang Berhormat itu adalah tidak perlu sama sekali kerana ia jelas bercanggah atau contradict dengan peruntukan yang sedia ada dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti tahun 1971.

Patut saya jelaskan bahawa saya tidak menentang penubuhan apa-apa universiti atau institusi pelajaran tinggi swasta, kita menentang usul ini bukan kerana maksudnya mahu menubuhkan universiti swasta tetapi kita menentang usul ini kerana ianya bertentangan dengan peruntukan yang ada dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti tahun 1971 serta kuasa yang sudahpun diperuntukkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sudah mendengar pihak yang mengemukakan usul ini menegaskan bahawa dengan adanya Akta baru maka peluang-peluang pelajaran akan lebih luas. Kita merasa ragu apakah alasan itu dibuat dengan ikhlas atau sebaliknya. Malaysia sekarang ini mempunyai 5 buah universiti yang semuanya diwujudkan dalam masa 20 tahun merdeka, Kerajaan cuba mengendalikan seboleh-bolehnya supaya universiti-universiti tersebut sering menghadapi masalah-masalah seperti kekurangan tenaga pengajar dan sebagainya.

Kita juga sering mendengar bahawa sebahagian para siswazah universiti tempatan kita mula menghadapi kesukaran untuk mendapat pekerjaan. Negara kita tidak mampu untuk menampung para penganggur siswazah dan sedang berusaha seboleh-bolehnya mengatasi hal ini. Saya yakin dengan bertambahnya universiti dalam kedudukan dan keperluan seperti sekarang, kita bukan sahaja tidak dapat mengatasi problem, tetapi mana yang sudah disebutkan dari rakan-rakan saya yang dahulu menambah problem baru yang mungkin bertambah sukar. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan para penyokongnya dapat mengatasi satu problem dengan lulusnya usul ini iaitu problem untuk mendapat sokongan pihak-pihak tertentu untuk kepentingan politik mereka sendiri. Itu bermakna Yang Berhormat tersebut cuba memperkudakan usul ini untuk kepentingan

politik-politik DAP. Kita bercakap di sini, Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk kepentingan politik mana-mana pihak sahaja, lebih penting dari itu, kita sepatutnya bercakap bagi kepentingan nasional seluruhnya. Pada kesempatan ini saya suka mengingatkan bahawa zaman untuk memikirkan kepentingan politik jangka pendek yang hanya untuk kepentingan sesuatu golongan sahaja yang bercanggah dengan kepentingan nasional sangat tidak dialu-alukan.

Kita merasakan semacam dipaksa untuk meyakini bahawa maksud dari usul ini tidak lain dari tujuan iaitu untuk membenarkan penubuhan universiti atau institusi pelajaran tinggi swasta di negara ini. Sekali imbas ini memang enak didengar, tetapi ramai orang tidak sedar bahawa sebarang universiti atau institusi pelajaran tinggi swasta di zaman ini walau bagaimana kukuh rancangannya tetap menghadapi masalah kewangan.

Jika Ahli Yang Berhormat tersebut menyiasat dengan teliti maka kedapatan bahawa universiti-universiti swasta menghadapi masalah kewangan kerana untuk membiayai sebuah universiti lazimnya menelan belanja puluhan juta ringgit saban tahun. Di samping itu juga ada sesuatu yang significant dari universiti swasta yang saya sebut itu. Biasanya para pelajar yang mampu menyambung pelajaran ke universiti-universiti tersebut adalah terdiri dari orang-orang yang berada atau orang yang kaya. Dalam lain perkataan hanya anak-anak orang dari golongan elite sahaja yang belajar di situ pada umumnya. Anak-anak orang miskin atau yang tidak berada, tidak berupaya pergi ke sana disebabkan segala segi perbelanjaannya adalah tinggi.

Saya percaya jika sebuah universiti swasta ditubuhkan di negara ini ia tidak dapat mengelakkan dari menghadapi masalah dan keadaan yang sama. Jika inilah natijahnya maka ke mana tujuan sebenarnya Ahli Yang Berhormat itu yang mewakili sebuah parti yang didakwanya demokratik sosialisma. Tidakkah ini bertentangan dengan dasar parti yang kononnya untuk memperjuangkan bersama menurut dasar-dasar sosialisma, terutama orang-orang yang miskin. Universiti-universiti yang ada di Malaysia sekarang memberi tempat sebaik-baiknya kepada semua golongan dan sesiapa yang tidak mampu Kerajaan membantunya. Apa yang perlu ada ialah kelulusan yang baik dari para pelajar yang mahu memasuki universiti dan lain-lain bakat untuk tujuan negara dan

seluruhnya. Lainlah jika usul ini diluluskan mahu membela kaum elite yang dapat diukur dari keupayaan ekonomi sahaja, or for the basis of economic distinction. Pada saya dasar usul ini tidak lain dari hanya untuk memperpujarkan masalah bagi kepentingan politik jangka pendek yang lambat-laun akan menjejaskan struktur kepentingan nasional pada keseluruhannya satu kepentingan yang sepatutnya semua rakyat Malaysia dari semua sektor dan bangsa membinanya dengan gigih, tabah, jujur dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa usul ini, yang pertama bercanggah dengan kuasa yang ada pada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sudahpun termaktub dalam Akta Universiti dan Universiti Kolej tahun 1971; kedua, usul ini dibuat bagi kepentingan politik semata-matanya dan bukan tujuan untuk mengatasi masalah mengadakan kedudukan pelajaran tinggi; ketiga, kerana usul ini tidak praktikal dari segi perbelanjaannya maka saya menerangkan di sini rakan-rakan saya dari Sarawak National Party menentang usul tersebut.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak bersetuju dengan usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling iaitu untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971. Sebab pendirian saya adalah kerana Akta tersebut sedia mempunyai peruntukan yang membolehkan sebuah universiti persendirian ditubuhkan di dalam Seksyen 5 dan 6 dalam Akta tersebut. Dengan itu saya memandang kepada usaha Ahli Yang Berhormat itu dan rakan-rakan beliau sebagai satu permainan politik sahaja dan bukan usaha yang bertujuan benar-benar menggunakan kemudahan yang sudahpun ada dalam Akta itu yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1971.

Semasa saya memperhatikan hujah-hujah Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu, ingatan saya kembali kepada propaganda DAP sejak parti itu ditubuhkan dan memperhatikan aspek-aspek yang sensitif dan mudah terbakar dalam masyarakat berbilang keturunan di Malaysia kita semata-mata untuk mencari modal dan pengaruh politik untuk mereka sendiri di kalangan-kalangan yang tertentu. Memang dengan adanya issue-issue seperti ini mereka dapat hasil dalam usaha

dahsyat mereka dan kita semua sedar tentang issue-issue perkauman yang telah membawa polarisation dalam voting pattern dalam pilihanraya tahun 1969 dan pada tahun ini juga.

Pada masa ucapan beliau dan usaha mereka bermain politik dalam perkara-perkara seperti ini saya telah merasa bahawa mereka ini juga dipaksa mengambil ingatan mengenai akibat-akibat buruk yang ternyata daripada peranan mereka dan bukan sahaja dibenarkan menikmati keuntungan yang jelas kepada mereka dalam kegiatan mereka untuk mendapat satu pegangan dalam arena politik. Mereka ini mesti dikehendaki secara apapun menikmati hukuman masyarakat yang berazam damai dan bersatu padu tentang akibat yang buruk yang berhasil pada keseluruhannya dengan kegiatan mereka.

Adalah tidak adil bahawa hanya pihak Kerajaan yang memikul beban dalam proses ini; menerima segala kos politik daripada usaha mewujudkan sebuah negara yang mempunyai lebih perpaduan, lebih keamanan dan lebih kebanggaan untuk semua yang menjadikan Malaysia sebagai tanahair dan tempat kasih mereka; manakala pihak seperti DAP sentiasa menjejaskan usaha-usaha seperti ini dan dapat keuntungan politik dengan memainkan dengan perasaan takut dan harap kaum-kaum tertentu ini.

Pada petang ini DAP mencuba sekali lagi di Dewan yang mulia ini untuk bermain politik dengan issue pelajaran.

Usul yang dihadapan Dewan ini seolah-olahnya satu yang simple sahaja iaitu membuat pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 untuk membolehkan pihak swasta menubuhkan universiti bagi memperbesarkan peluang pelajaran tinggi untuk lebih ramai penuntut-penuntut di sini juga. Tidak ada siapa pun yang dapat membantah tujuan ini. Sebenarnya pada masa Akta tersebut diluluskan oleh Dewan ini juga dalam tahun 1971 peruntukan telahpun dimasukkan dalam Seksyen 5 dan 6 Akta itu untuk usaha swasta seperti ini dengan syarat usaha ini adalah selaras dengan kepentingan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling hanya mencari peluang secara tidak langsung untuk membawa ke Dewan ini issue Universiti Merdeka dengan usul beliau. Ahli Yang Berhormat itu sedang bermain dalam Dewan ini seperti juga parti DAP telah membuat

dalam pilihanraya yang lalu di mana mereka telah menjadikan issue ini sebagai strategi asas dalam kempen mereka. Beliau sedang cuba menggunakan issue Bahasa Malaysia dalam sistem pelajaran kita dan ketiadaan peluang yang cukup untuk semua pemohon yang ingin masuk ke lima-lima universiti di tanahair kita untuk menganjurkan tujuan asas Universiti Merdeka yang dicadangkan itu.

Saya merayu kepada mereka ini tidak usahlah kita bermain-main dengan issue pelajaran, lebih-lebih lagi tidak usahlah kita bermain politik dengan issue pelajaran. Soal hendak atau tidak menubuhkan sebuah universiti lagi adalah yang patut ditentukan di atas justification keperluan itu. Soal itu memang dengan mudahnya dapat dibincangkan dalam konteks yang praktikal dan konkrit dari segi keperluan sumber tenaga rakyat untuk negara dan juga dari segi aspirasi sosial penuntut-penuntut kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak terdapat sebuah negara pun dalam dunia ini yang dapat membekalkan pelajaran universiti kepada semua yang berkehendakkannya. Di semua universiti di dunia—di Republik Rakyat China, atau Russia, ataupun di Amerika Syarikat—terdapat keadaan di mana jumlah pemohon-pemohon untuk memasukinya berapa kali lebih banyak daripada tempat yang sedia ada di universiti-universiti itu. Pelajaran tinggi adalah satu bidang yang berkehendakkan penanaman modal (investment) yang amat besar; dan dengan itu berkehendakkan approach dan fikiran yang sedalam-dalamnya.

Saya sendiri seorang yang tidak cenderung kepada argument elitist yang sentiasa hendak menghadkan peluang-peluang untuk pelajaran tinggi. Tetapi saya juga yakin bahawa adalah "suicidal" untuk kita cuba mengadakan tempat yang cukup untuk setiap yang berazam meneruskan pelajaran tinggi. Bolehlah juga dikatakan, seperti telah diujjahkan di sini, bahawa pengambilan penuntut-penuntut untuk pelajaran tinggi tidaklah harus dihadkan hanya kepada keperluan tenaga rakyat di peringkat ini; bahawa pelajaran tinggi mempunyai peranan yang lebih tinggi (noble) seperti membekalkan tenaga manusia untuk membangunkan masyarakat dan individu-individu. Negara-negara yang telah cuba mempraktikkan fikiran seperti ini telah mengalami kerumitan

dan cabaran yang besar. Mereka telah mendapat tahu bahawa mereka hanya mengekalkan dan membesarkan aspirasi mahasiswa-mahasiswa yang ramai itu untuk peluang-peluang pekerjaan yang tidak ada. Sebab, adalah pengalaman yang jelas bahawa pembesaran pengambilan penuntut-penuntut di universiti-universiti secara tidak had (university higher education) dengan sendirinya menghasilkan graduates yang berazam mendapat pekerjaan bergaji selepas pelajaran mereka, dan bukan biasanya menyumbang kepada pembangunan masyarakat ataupun lain-lain. Negara Sri Lanka bolehlah disebutkan sebagai satu contoh yang "classic" dalam perkara ini. Kita semua tahu apa yang telah berlaku di negara itu beberapa tahun dahulu.

Kerajaan kita ini telah meluaskan peluang-peluang untuk pelajaran tinggi bagi pemuda-pemuda kita dalam 10 tahun yang lalu—kadar perkembangan ini adalah satu yang tidak dimimpikan pun pada masa kita menubuhkan Universiti Malaya pada tahun-tahun 1950-han. Kita sekarang ini mempunyai 5 buah universiti dengan enrolment yang lebih daripada 19,630. Tambah pula 3 daripada 5 buah universiti ini masih berkembang dan belum lagi capai peringkat yang optimum enrolment mereka. Tetapi Kerajaan telahpun menyediakan segala investment dan kemudahan untuk membolehkan universiti-universiti ini menambah lagi pengambilan mereka dalam masa yang singkat sahaja.

Jika kita hendak membincangkan peluang-peluang pelajaran untuk penuntut-penuntut yang biasa dan miskin, dan bukan untuk mereka dari golongan yang berada, kita terpaksa mengadakan, universiti-universiti yang dibiayai daripada wang Kerajaan. Dengan itu subsidi yang besar dapat diberi kepada penuntut-penuntut seperti itu. Keadaan pada masa ini adalah bahawa seorang penuntut dalam bidang perubatan hanya membayar fees kurang daripada suku bahagian perbelanjaan yang sebenarnya berlaku untuk pelajaran perubatan itu. Dalam bidang kejuruteraan, peratus yang dikenakan sebagai fees mungkin kurang lagi; dalam bidang kesusasteraan atau arts pula, penuntut-penuntut hanya membayar setengah kos benar sebagai fees. Walaupun begitu, orang ramai dan badan-badan masih didesak untuk memberi scholarship, pinjaman dan sebagainya untuk mereka yang berkelayakan mengikut pelajaran tinggi, tetapi tidak mampu membiayai subsidised fees itupun.

Jadi, janganlah kita di sini menganjurkan universiti persendirian sebagai satu "panacea", atau boleh menyelesaikan segala masalah yang timbul dalam bidang pelajaran tinggi di kalangan kita. Untuk membolehkan sebuah universiti persendirian itu menanggung perbelanjaan semasa (running costs) pun, penuntut-penuntut di universiti swasta terpaksa membiayai satu bahagian yang besar perbelanjaan semasa itu. Adalah merupakan satu mimpi sahaja bagi kita fikir bahawa sebuah universiti persendirian dapat ditadbirkan dengan kadar subsidi seperti yang diberi dalam 5 buah universiti yang ada di negara kita pada masa ini. Kita haruslah cukup jelas dalam perkara ini. Kita terdapat banyak contoh di beberapa negara untuk membuktikan perkara-perkara ini.

Sebenarnya apa yang kita membincangkan dalam bidang pelajaran tinggi di Malaysia bukanlah aspek-aspek ini. Apa yang menjadi masalah bukanlah bahawa 20,000 daripada 26,000 pemohon untuk masuk universiti-universiti tempatan, tidak dapat tempat di situ, seperti dikatakan oleh D.A.P. semasa Pilihanraya dan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Masalah yang benar adalah bahawa golongan yang tidak dapat tempat itu, terdapat ramai yang mempunyai kelayakan yang terbaik, walhal mereka dengan kelayakan yang kurang dapat masuk ke universiti. Perasaan 'deprivation' di kalangan pemohon-pemohon inilah yang menjadi pokok.

Tetapi, Ahli Yang Berhormat tidak menimbulkan perkara pokok itu. Sebaliknya, Ahli Yang Berhormat itu menghayun di hadapan mata 20,000 pemohon itu satu gambaran palsu bahawa mereka semua ini akan dapat peluang pelajaran tinggi dengan tertubuhnya sebuah universiti persendirian. Ini adalah tindakan yang amat tidak bertanggungjawab oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Penyelesaian kepada masalah ini bukanlah melalui penubuhan sebuah universiti yang bahasa pengantarnya bahasa Tionghua. Jalan yang tepat adalah untuk kita melongarkan, atau mengurangkan, halangan-halangan yang menahan penuntut-penuntut yang pandai dan berkelayakan penuh memasuki universiti-universiti tempatan. Langkah ini adalah satu yang boleh diambil dan telah diambil oleh parti-parti dalam Barisan Nasional sejak peratus pengambilan penuntut-penuntut bukan bumiputra mula berkurang. Langkah

ini adalah satu yang hendak diambil dengan penuh perasaan persefahaman—dan hanya melalui persefahaman inilah kita sedang mencari satu penyelesaian dalam perkara ini. Kami tidak menafikan bahawa pengambilan penuntut-penuntut bukan bumiputra dalam universiti-universiti tempatan adalah kurang. Yang menjadi soal dalam perkara ini, sebenarnya, ialah secara mana kita dapat membaiki keadaan ini. Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, telah timbul akibat Kerajaan kita cuba membaiki keadaan dahulu yang tidak seimbang dalam universiti-universiti tempatan. Persefahaman dan perasaan muhibbah adalah asas untuk membaiki semula keadaan pada masa ini. Tetapi saya tidak nampak apa-apa perasaan atau fahaman seperti itu dalam usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu, ataupun dalam sikapnya dalam ucapan beliau.

Jika masalah pada masa ini pula menjadi cara untuk memberi lebih kesan kepada pelajaran tinggi, atau memberi kemudahan “marketability” kepada pelajaran itu, marilah kita membincangkan dari segi itu; bukan dengan sikap atau tujuan mewujudkan satu lagi “compartmentalisation” di kalangan penuntut-penuntut kita. Jika kita hendak taraf yang lebih cekap dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa yang lain sebagai bahasa kedua, marilah kita membincangkan perkara itu dan bukan perkara penubuhan sebuah lagi universiti vernacular. Jika issue yang dirasai adalah peluang untuk mereka yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi mereka dalam bahasa Tionghua ataupun bahasa Tamil, marilah kita membincangkan masalah itu dan menumpukan perhatian kepada kemungkinan Jabatan Pengajian China atau Tamil di universiti-universiti tempatan dapat memberi peluang-peluang ini. Janganlah kita menjadi mangsa kepada tendency atau jalan yang senang dengan cadangan penubuhan sebuah lagi institusi vernacular hanya untuk mencapai tujuan ini.

Soal pokok dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang telah diterima oleh kita semua adalah cara kita mewujudkan peluang-peluang yang sama sebagai satu langkah jangka panjang untuk semua golongan rakyat Malaysia. Dalam reka bentuk dasar ini kita tidaklah dapat melaksanakan atau mengamalkan dasar “Wild West” yang kita nampak dalam talivisyen yang selalu kita tengok: iaitu, siapa yang mempunyai kuda yang lebih laju atau lebih berani dapat

mengambil tanah yang lebih luas di bahagian barat Amerika Syarikat. (*Dengan izin*) The man who is bravest and who rides the fastest horse stakes out the largest claim for the open lands of the American Wild West. Kita kenalah memberi timbangan (weightage) yang sewajarnya kepada suasana hidup dan serba kekurangan yang dihadapi oleh golongan-golongan yang tertentu, jika kita benar-benarnya hendak menganjurkan peluang-peluang yang sama untuk semua bidang pelajaran tinggi dalam jenerasi sekarang ini. Di Malaysia kita menghadapi process social engineering yang rumit supaya masa depan untuk kita semua akan menjadi lebih cerah. Proses ini adalah bertambah rumit oleh kerana masyarakat kita adalah dari berbagai keturunan. Proses itu sendiri mungkin boleh meletup dan mempunyai unsur-unsur sensitif jika kita tidak berwaspada. Pada peringkat ini kita belum lagi mendapat tahu semua cara untuk menghadapi semua masalah yang timbul dalam proses social engineering dalam masyarakat kita dan setengah cara yang kita menggunakan telahpun mengakibatkan masalah yang lain. Tetapi kita di sebelah sini adalah sentiasa bersedia membuat apa-apa adjustment yang perlu di dalam cara-cara itu sebab kita adalah berpegang teguh kepada dan percaya penuh dalam tujuan-tujuan yang kita sudah menerima. Kita tidak hendak fikir bahawa perkara ini adalah satu yang tidak penting ataupun mencari modal politik dengan memperhatikan satu golongan atau lain.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak D.A.P. marilah bersama-sama kita mencari penyelesaian yang berfaedah kepada apa yang sebenarnya satu masalah yang rumit. Mereka tidaklah dapat diterima sebagai bertanggungjawab jika mereka memikir peranan mereka hanya untuk menuduh Kerajaan dalam segala tindakan untuk membawa kepada satu masyarakat lebih adil dan bersatupadu dalam jangka masa jenerasi ini.

Saya cabar mereka menyatakan dengan jelas jika mereka menyokong dasar-dasar perpaduan ini. Jika mereka sebenarnya bersetuju, mereka tidak boleh mengemukakan usul-usul seperti ini dan mengatakan bahawa usul ini adalah satu yang simple. Sebaliknya usul seperti ini mempunyai explosives di kalangan berbagai keturunan di Malaysia. Kita berkehendakkan kejujuran yang lebih, kita berkehendakkan sikap yang lebih waras

dan kita berkehendakkan perasaan muhibbah yang lebih di kalangan semua pihak yang ingin membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang pelajaran. Tetapi dalam ucapan mengemukakan usul oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu, saya tidak nampak sikap atau perasaan seperti itu. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menentang usul ini.

Tuan P. Patto: Saya ingin tahu samada Ahli yang berucap tadi mewakili dirinya ataupun parti MIC.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak perlu.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tak perlu saya menyatakan saya mewakili MIC. Apabila saya berucap, MIC adalah bertanggungjawab dan saya juga adalah bertanggungjawab di atas ucapan saya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai usul yang ada di hadapan Majlis.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai usul yang ada di hadapan Majlis.

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN UNTUK MEMINDA AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI, 1971

6.15 ptg.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam beberapa bahagian dalam Akta Universiti dan Universiti Kolej, 1971 itu perlu

diadakan pindaan kerana tidak layak bagi pusat ilmu, tetapi usul yang dikemukakan oleh wakil Petaling itu tadi perlu dilihat secara khusus terutama ia ada kaitan dengan tujuan Akta itu hendak dipinda iaitu untuk membolehkan ditubuh universiti-universiti atau kolej-kolej persendirian. Sebenarnya usul itu sendiri membayangkan kegagalan jenerasi sebelum ini untuk menyelesaikan masalah-masalah pelajaran dan dasar pelajaran yang mereka bentuk itu menunjukkan kegagalan yang nyata. Kerana dasar itu tidak memberi kesan yang bermakna kepada matlamat mewujudkan satu umat dan satu bangsa. Pindaan yang dicadangkan atau yang diusulkan, tujuannya jelas dikemukakan ia itu untuk memberi jalan yang membolehkan Universiti Merdeka ditubuhkan. Universiti itu ditaja oleh satu kaum dan satu memorandum yang dikemukakan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah ditandatangani oleh kesemua pertubuhan-pertubuhan kaum itu. Tidak syak lagi bahawa ada tujuan-tujuan perkauman dan masalah inipun telah digunakan sebagai issue politik di kalangan puak-puak, di kalangan pemimpin keturunan atau kaum itu untuk berlumba-lumba bagi mendapatkan status "wira" di kalangan mereka, walaupun perkauman mereka jelas dari usul yang dikemukakan dan dari sikap yang ditunjukkan oleh semua pihak di kalangan mereka tetapi di antara mereka kadang-kadang menganggap diri mereka dan fikiran mereka lebih Malaysian daripada orang lain.

Saya bersetuju sepertimana yang dikatakan oleh wakil Petaling bahawa masalah pelajaran merupakan hak asasi manusia dan proses pendidikan dan pelajaran adalah proses yang berterusan seperti juga mereka berhak ataupun hak-hak mereka mendapatkan layanan yang adil, kebebasan dan kehidupan yang lebih baik. Kerana itu peluang untuk mendapatkan pendidikan tidak seharusnya ada kongkongan dan tidak seharusnya dilihat dari semata-mata dari aspek untuk menyediakan tenaga-tenaga rakyat semata-mata. Peluang untuk mendapatkan pelajaran seharusnya tidak ada sekatan yang menafikan hak manusia menuntut ilmu dan mendapat pendidikan yang betul dan sempurna untuk membentuk diri mereka supaya menjadi manusia yang layak, manusia yang mengabdikan dirinya kepada penciptanya dan berkhidmat untuk kebaikan manusia. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya manusia itu dibiarkan di dalam keadaan kejahilan.

Ditinjau dari sudut cita-cita nasional untuk mewujudkan satu rupa bangsa yang beridentiti, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pelajaran dan pendidikan merupakan saluran yang paling berkesan. Tetapi kita mestilah ingat bahawa oleh kerana kita hendak mewujudkan pembentukan satu umat dari beberapa kaum, maka hendaklah hanya ada satu corak pendidikan yang berdasarkan kepada kebudayaan nasional sebagai asasnya. Seboleh-bolehnya setiap rakyat Malaysia mestilah didedahkan kepada proses pendidikan itu untuk dibentuk kembali pemikiran, sikap dan cara hidup mereka supaya bersesuaian dengan kebudayaan yang hendak dibentuk sedikit demi sedikit itu. Untuk memastikan sebanyak mungkin berbagai keturunan itu mendapat pelajaran dan pendidikan menerusi corak yang disebutkan tadi, hendaklah diperluaskan dengan seluas-luasnya peluang untuk mereka mendapat pendidikan, banyak lagi universiti-universiti harus didirikan tetapi universiti yang hendak didirikan itu bukan universiti perkauman, bukan universiti yang ditegakkan di atas keghairahan segolongan pemimpin satu kaum untuk menjadi wira kaumnya, tetapi universiti yang hendak didirikan ialah pusat pendidikan yang berasaskan kebudayaan nasional, yang berindukkan kebudayaan bumiputra, yang berasaskan Islam sebagai terasnya dan kebudayaan-kebudayaan kaum lain dan juga kebudayaan barat yang murni yang dapat diterima sebagai salur yang memperkayakannya.

Oleh kerana kita menghadapi masalah kebudayaan dan hubungan pelajaran dengan kebudayaan itu dengan sambil lewa sampai sekarang setelah 20 tahun merdeka masalah pelajaran terus menjadi issue perkauman. Dan Ahli-ahli politik perkauman ini sentiasa melihat kejayaan mereka ialah dengan menjadi wira kepada kaum mereka dan mereka tidak boleh menjadi wira sekiranya mereka belum berjaya menambahkan kejahilan di kalangan kaum bumiputra yang lain. Mereka menganggap diri mereka terlalu gagah sekiranya kaum bumiputra lain merangkak-rangkak memanjat kejayaan di bidang pelajaran padahal semasa kaum lain itu dianiaya dan disekat segala peluang, mereka mendiamkan diri sahaja. Walaupun begitu mereka masih menganggap diri mereka dan fikiran mereka lebih Malaysian daripada orang lain.

Masalah pelajaran di negara kita yang menghadapi masalah perkauman tidak seharusnya menjadi persaingan satu kaum

untuk meluas kejahilan di kalangan kaum yang lain. Ia tidak seharusnya menjadi perlumbaan antara kaum yang menjahanamkan. Kalau pemimpin-pemimpin hari ini masih melihat masaalah pelajaran itu dari kaca-mata kaumnya sendiri dan hendak menekankan kebudayaan masing-masing tanpa memberi perhitungan kepada sejarah untuk meletakkan kebudayaan sesuatu kaum itu pada tempatnya maka pelajaran tidak lagi akan menjadi saluran perpaduan tetapi ia akan hanya menjadi modal politik untuk meluaskan pengaruh politik masing-masing di kalangan kaum mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap dengan ringkas sahaja bahawa usul yang dikemukakan mempunyai tujuan yang sangat terhad dan ia mempunyai tujuan yang tertentu dan sangat terhad pula. Bahawa jika sekiranya peluang-peluang itu hendak disampaikan, peluang untuk mendapat pendidikan yang tinggi itu di kalangan anak-anak kita hendak dicapai, bukan hanya satu-satunya cara malahan pihak-pihak yang berkenaan. Apa yang harus kita buat ialah meyakinkan pihak-pihak yang bertanggungjawab yang mempunyai kemampuan supaya ditubuhkan lagi universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi, dan jika ada golongan-golongan dan orang ramai yang hendak memberi sumbangan untuk tujuan tersebut dengan sukarela maka bolehlah kita menggesa Kerajaan supaya menubuhkan tabung derma untuk didirikan universiti-universiti supaya membolehkan orang ramai memberi sumbangan sukarela kepada penubuhan pusat pengajian tinggi itu, bukan hanya dengan membenarkan tumbuhnya universiti-universiti persendirian yang mempunyai tujuan-tujuan perkauman dan tujuan-tujuan untuk meluaskan dan menjarakkan lagi perimbangan antara kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkang usul ini kerana tidak memperkuat dengan alasan-alasan yang konkrit selain daripada menampakkan gejala perkauman yang berselindung di sebaliknya. Masalah pendidikan dan pelajaran di negara kita sekarang ini sebenarnya perlu dikaitkan dengan masalah-masalah kebudayaan sehingga usul-usul yang seperti ini tidak lagi timbul di masa hadapan dengan tujuan-tujuannya yang terhad itu dan berselindung dan mempunyai tujuan-tujuan politik di sebaliknya. Saya yakin dan percaya bahawa masalah pendidikan ini dan masalah meluaskan peluang pendidikan ini haruslah juga dikaitkan dengan

masalah-masalah keadilan di dalam masyarakat. Kerana tujuan pendidikan itu sendiri pun untuk menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat dan di kalangan warganegara supaya melihat sesuatu masalah itu bukan dari kacamata hasrat tetapi ialah dilihat satu masalah itu dari sudut keadilan. Kerana itulah maka di dalam kita menjamin anak-anak kita supaya mendapat peluang pendidikan di peringkat universiti-universiti dan di peringkat pengajian tinggi hendaklah dijamin bahawa ada peluang yang seimbang antara setiap orang daripada mereka itu.

Pada masa yang lalu peluang untuk kaum bumiputra memasuki pusat-pusat pengajian tinggi adalah begitu sempit sekali dan sekarang pun kita lihat peluang-peluang itu kalau hendak dikaji secara mendalam masih lagi di dalam keadaan kesempitan dan terpaksa memerlukan bantuan-bantuan padahal kalau dibiarakan mereka bersendirian, sudah tentu mereka dapati bahawa peluang itu tidaklah seluas mana. Ini adalah kerana pengabaian pihak-pihak yang berkenaan di masa yang lalu terhadap pendidikan-pendidikan asas dan pendidikan-pendidikan menengah di mana kita lihat adanya diskriminasi antara penduduk-penduduk di luar bandar dan juga di dalam bandar. Kalau sekolah-sekolah di bandar itu diberikan kelengkapan-kelengkapan yang cukup dengan tenaga-tenaga pengajar yang mahir tetapi kita dapati bahawa keadaan yang seperti ini tidaklah wujud di sekolah-sekolah di luar bandar. Dengan sebab itu maka taraf penyampaian di peringkat-peringkat menengah tidaklah seimbang dengan taraf penyampaian yang wujud dan ada di kalangan murid-murid di bandar-bandar. Dan inilah peluang yang sebenarnya, inilah yang harus diwujudkan iaitu memberi perhatian yang baik, memberi perhatian yang sewajarnya, memberi perhatian yang adil kepada sekolah-sekolah di luar-luar bandar supaya mereka mendapat peluang pendidikan yang sempurna dengan tenaga-tenaga pengajar yang layak dan juga kelengkapan-kelengkapan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat tumpukan kepada usul ini sahaja.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Ini termasuk alasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi jangan jauh sangat alasan itu.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Inilah peluang yang saya katakan sebenarnya dan jika sekiranya ada peluang-peluang ini saya rasa tidaklah perlu lagi kita wujudkan peruntukan quota-quota tertentu yang nantinya akan menimbulkan perasaan-perasaan perkauman dan tindakan itu dirasakan sebagai tindakan-tindakan perkauman, padahal ianya diasaskan atau diwujudkan semata-mata untuk menjamin bahawa orang-orang yang telah dihalangi atau disekat peluang itu perlu mendapat jaminan undang-undang yang tertentu bagi mereka mendapat peluang yang lebih baik untuk meninggikan taraf pelajaran mereka.

Dan lagi sekali saya menegaskan walaupun ada dalam bahagian-bahagian dari Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 itu perlu dipinda tetapi saya tidaklah bersetuju dengan pindaan tetapi yang dituntut, pindaan yang khusus yang semata-mata dengan tujuan untuk membolehkan didirikan sebuah universiti yang berasaskan kepada perkauman dan kepada tujuan-tujuan golongan-golongan tertentu, pemimpin daripada kaum yang tertentu untuk berusaha menjadi wira kepada kaumnya sahaja tetapi bukan untuk menjadi wira kepada semua bangsa dan negara serta juga kepada prinsip-prinsip keadilan yang hakiki.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan benar seorang dua lagi sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk menggulung hujjahnya.

6.31 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Saya merasa kesal bahawa sepanjang pendengaran saya ucapan-ucapan dan hujjah-hujjah daripada pihak pemerintah sebenarnya mereka telah menunjukkan kejahilan mereka untuk menangkap isi kandungan dan usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Petaling.

Adakah usul yang dikemukakan tadi ini merupakan usul perkauman? Di manakah satu perenggan atau satu bahagian ucapan ini ada menunjukkan katanya usul ini mahu meminta Dewan melulus bahawa Akta UUCA dipinda mahu menubuhkan satu universiti perkauman sebagai universiti Melayu, universiti China dan universiti India. Tidak. Siapakah yang memutarbelitkan kenyataan yang sebenarnya? Dalam UUCA dalam usul yang kita cadangkan tadi ialah

mahu meminta Kerajaan memerhatikan masalah pokok yang dihadapi oleh Malaysia hari ini. Bolehkah kita menafikan bahawa Malaysia tidak menghadapi masalah pelajaran khususnya di peringkat pelajaran tinggi. Dari Rancangan Malaysia Ketiga menunjukkan bahawa Malaysia masih memerlukan lebih kurang 100,000 tenaga manusia yang terlatih baik di bidang sains, teknologi, kejuruteraan, kedoktoran dan undang-undang.

Di sini kita perlu menegakan usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini adalah merupakan satu usul rakyat, merupakan satu rayuan dari rakyat Malaysia. Kita perlu menghadapi satu kenyataan dan hakikat bahawa peluang-peluang pelajaran tinggi khususnya di kelima-lima universiti tempatan sangat terhad.

Umpamanya dalam intake tahun 1977 sebanyak 20,000 pelajar kita yang berkecayaan akademik yang diperlukan ini tidak dapat diizinkan untuk memasuki untuk menuntut di universiti-universiti tempatan kita. Dan juga begitu ramai rakyat Malaysia terpaksa pergi ke seberang laut untuk mencari peluang melanjutkan pelajaran mereka. Adakah ini satu kenyataan yang palsu. Ini adalah satu hakikat. Bagaimana kita hendak mencipta, mengadakan lebih banyak peluang untuk rakyat Malaysia kita. Di sini saya merasa kesal bahawa sebelum mereka bercakap dan memberikan alasannya untuk menolak usul ini mereka sudah bersikap bahawa inilah satu usul yang mahu menubuhkan Universiti Merdeka. Dalam usul sendiri tidak tersebut satu perkataan pun mengenai Universiti Merdeka. Yang menyetujui issue Universiti Merdeka ialah dari pihak pemerintah sendiri.

Tuan Speaker, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada mengatakan selepas pilihanraya Ahli-ahli Yang Berhormat perlu menjalankan tugas kita dan meninggalkan segala perselisihan faham politik

Tuan Yang di-Pertua: Itu nanti bila membincangkan usul.

Tuan Chan Teck Chan: Ya, sebelum itu . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar. Duduk dahulu! Tak usahlah bawa perkara mengenai Titah Ucapan itu. Nanti kita ada beberapa hari untuk membincangkan Titah Ucapan itu, pada masa itu bolehlah dibincangkan.

Tuan Chan Teck Chan: Tetapi ini satu prasangka terhadap usul yang berjiwa rakyat ini. Kalaupun Kerajaan Barisan Nasional adalah satu Kerajaan yang berjiwa rakyat perlulah apa tindakan yang mereka ambil haruslah berasaskan kepada kepentingan dan aspirasi rakyat, Ini baharu boleh dikatakan Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Tuan Speaker, kalau undang-undang ini adalah merupakan satu akta menghalang, menyekat rakyat Malaysia untuk melanjutkan pelajaran tinggi di negara kita sendiri, maka undang-undang ini perlulah diubah kerana undang-undang adalah buatan manusia, ciptaan manusia. Kalau akta ini dibuat berasaskan kepada kepentingan negara dan rakyat kita, terpaksa kita mahu mengambil satu tindakan yang sesuai untuk meminda Akta UUCA ini.

Mengenai peluang pelajaran tinggi yang dihadapi oleh rakyat yang bukan Melayu sangat jelas. Dalam intake 1977 kita boleh saksi dengan mata kita sendiri di antara jumlah pelajar yang diterima 75% adalah terdiri daripada kaum bumiputra, 25% adalah non-Malays. Di sini kita hendak bertanya di mana mereka hendak pergi untuk melanjutkan pelajaran tingginya kerana pintu universiti tempatan di negara kita sendiri sudah ditutup. Saya sungguh berasa kesal bahawa Ahli Yang Berhormat dari MCA telah membuat satu misleading statement untuk menuduh dan memutarbelitkan kenyataan dan usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Petaling.

Di sini kita mahu bertanya diri kita sendiri, kita hendak mengkaji dan menganalisa apakah sebabnya rakyat Malaysia hari ini mahu mengeluarkan wang sendiri, mahu berusaha seboleh-bolehnya untuk menubuhkan universiti dan kolej swasta. Kalaupun Kerajaan Barisan Nasional ini bijaksana yang dikatakannya yang sanggup mengadakan universiti-universiti yang mencukupi untuk menampung pelajar-pelajar kita tentu rakyat Malaysia tidak akan bersusah payah mahu mencari jalan keluar untuk menubuhkan universiti swasta. Inilah pokok masalah ini. Apakah sebabnya rakyat Malaysia terpaksa hari ini mahu mencari jalan keluar menubuhkan universiti swasta? Soalnya bukan Universiti Merdeka atau tidak. Soalnya ialah mereka mahukan lebih banyak universiti dan kolej-kolej sebagai pusat latihan untuk menolong Kerajaan mengatasi masalah pelajarannya, menolong Kerajaan

membangunkan negara kita supaya matlamat pembangunan sosio-ekonomi kita baik di bawah Rancangan Malaysia Ketiga atau Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai. Itulah tujuan utamanya. Saya kata adakah Universiti Merdeka bertentangan dengan Perlembagaan atau Dasar Pelajaran Kebangsaan. Ini akan dibahas dengan mendalamnya dalam usul Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga usul saya, saya tidak mahu menyentuh issue Universiti Merdeka. Saya akan menghadkan ucapan saya terhadap UUCA ini yang akan dipinda.

Di sini kita mahu memikir dan menerima satu kenyataan iaitu perlukah Akta UUCA ini dipinda supaya rakyat boleh diberikan peluang untuk menolong Kerajaan mengadakan projek-projek membanyakkan pusat-pusat latihan di samping kita memerhatikan masalah yang kita hadapi baik yang saya katakan di bidang manpower yang terlatih sangat kekurangan, terpaksa tiap-tiap tahun kita impot skilled manpower samada doktor atau orang-orang professional dari luar negeri. Apakah sebabnya negara kita sendiri tidak boleh mengadakan lebih banyak institusi-institusi tinggi untuk mengeluarkan manpower yang terlatih di negara kita ini?

Saya menganggap ini merupakan satu perkara yang sangat memalukan kalaulah di satu pihak kita kata shortage of manpower, di satu pihak kita menyekat, tekan rakyat Malaysia untuk mahu menyumbang kepada negara kita. Manakah satu yang betul? Di manakah rakyat akan diminta untuk menuju ke arah matlamat pembangunan sosio-ekonomi kita? Itu sebabnya saya kata usul ini bukanlah usul politik, bukanlah satu usul perkauman, bukanlah satu usul Universiti Merdeka. Ini adalah satu usul kebangsaan, usul rakyat, rayuan rakyat, desakan rakyat, aspirasi rakyat.

Saya hendak mencabar wakil rakyat samada Barisan, MCA, Gerakan adakah mereka hendak menerima hakikat tidak ada masalah baik di pelajaran atau nation building atau mereka kata usul ini adalah usul mahu menubuhkan satu universiti China sebagaimana yang dikatakan oleh wakil MIC sendiri.

Dalam mana satu dari perenggan dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling ada berkata begini? Nampaknya apa yang mereka mahu dari pihak pemerintah ialah cuba misleading rakyat Malaysia terhadap

usul yang sebenarnya. Bolehkah kita dengan cara begini menolak, membunuh usul ini maka selesaikan masalah kita, maka selesaikan masalah rakyat dalam negara kita—tidak. Kita hanya sapu masalah-masalah ini di bawah carpet sahaja. Ini seolah-olah tanam time bombs di Malaysia sendiri dalam proses pembinaan negara kita. Kalau time bombs ini meletup, siapakah yang akan meletupkan time bombs itu?—pihak Kerajaan Barisan Nasional.

Kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab, sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab, kita perlu berterus-terang memberitahu Dewan ini, memberitahu Kerajaan pemerintah apakah masalah yang sebenarnya yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dalam negara kita. Kalau kita mahu mengampumu seperti MCA mengampumu UMNO, cuba mahu

Perdana Menteri: Apakah maksud perkataan dan percakapan menggunakan istilah “mengampumu” itu?

Tuan Chan Teck Chan: Buktinya, umpamanya MCA cuba memainkan double faced game. Di dalam Parlimen, di dalam Kabinet bila mereka berdepan dengan UMNO, mereka diamkan diri sahaja, tetapi di luar mereka mengeluarkan press statement, dalam mesyuarat luluskan resolusi mahu minta Kerajaan membatalkan undang-undang itu yang anti-rakyat, mahu minta Kerajaan menubuhkan universiti swasta. Tetapi apakah sebabnya dalam Dewan mereka menentang usul dari Yang Berhormat dari Petaling? Itulah saya kata mereka cuba hendak mencari jalan untuk menyelamatkan diri sendiri di bawah payung UMNO. Jadi itu saya kata macam ampu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkataan “mengampumu” itu very un-parliamentary.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tarik balik perkataan itu?

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang mereka amalkan ini

Tuan Yang di-Pertua: Dengarlah, ini permintaan. Bolehkah atau tidak? Kalau boleh, cakap boleh. Kalau tidak boleh, cakap tidak boleh, itu sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak akan tarik balik. Saya anggap itu satu kenyataan yang diakui oleh semua rakyat. Dalam pilihanraya umum tahun 1978

Perdana Menteri: Oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak hendak tarik balik, saya hendak memberi ingatan, pihak kami pun boleh juga menggunakan perkataan-perkataan yang seumpama itu juga kepada Ahli Yang Berhormat sendiri ataupun penyokong-penyokongnya.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa banyak lagi hendak bercakap?

Tuan Chan Teck Chan: Saya akan tutup ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak kira usul ini ditolak atau diterima, di sini saya perlu menegaskan dan saya perlu berterus-terang bahawa usul ini bukan dirangka dan diadakan mahu menubuhkan universiti perkauman, baik universiti Melayu, China atau India. Ini satu cadangan kita untuk mahu memberitahu Dewan ini bahawa satu jalan yang paling berkesan untuk menyelesaikan masalah kita ialah meminda UUCA supaya rakyat boleh ditarafkan untuk menolong Kerajaan menubuhkan lebih banyak institusi-institusi pelajaran tinggi seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan lain-lain. Inilah contoh-contoh yang kita boleh pelajari. Sekianlah sahaja, terima kasih.

6.45 ptg.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya telah sangat tertarik kepada perbahasan kita pada hari ini yang merupakan satu-satunya daripada perbahasan yang begitu penting di dalam sejarah kita mengambil berat di dalam soal-soal pelajaran di dalam negara kita.

Saya suka mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya daripada parti Barisan Nasional yang telah bangun satu persatu daripada mereka dengan berani dan tegasnya menentang usul yang dikemukakan oleh Ahli dari Petaling. Inilah ertikata tanggungjawab bersama ataupun collective responsibility di dalam Kerajaan dan di dalam sistem demokrasi berparlimen yang dianuti di dalam negara kita ini.

Kami di dalam Barisan Nasional ialah merupakan parti-parti yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat mentadbirkan negara kita ini dengan mengambil kira tiap-tiap aspek kehidupan rakyat berbilang keturunan, berbilang agama dan berbilang kepercayaan. Kami tidak mampu mengambil sikap yang tidak bertanggungjawab. Sikap tidak bertanggungjawab ialah menjadi privilege parti-parti Pembangkang yang di luar daripada Dewan ini (*Tepuk*). Oleh itulah, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendengar ucapan-ucapan yang telah dikemukakan oleh ketua-ketua parti di dalam Barisan Nasional tadi, dengan tidak segan-segan, dengan tidak adun perasaan takut mereka telah menyatakan dan memberikan gambaran yang sebenar-benarnya supaya rakyat jelata sendiri mengetahui sebab musababnya Kerajaan tidak dapat menerima cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan bolehlah dikatakan lebih kurang 10 tahun selepas itu pelajaran di dalam negara kita ini terhad kepada seperingkat elite sahaja. Ini bermakna, bahawa hanya segelintir daripada masyarakat di dalam negara kita, telah mendapat keistimewaan pelajaran.

Yang anihnya bahawa elite yang disebut oleh saya ini terkena pula dengan keadaan di mana mereka yang mendapat keistimewaan pelajaran ini ialah yang datang daripada bandar yang kena pula keadaannya di mana kebanyakan daripada mereka ini ialah daripada satu keturunan yang terbesar sekali.

Inilah kenyataan accident of history di dalam negara kita. Tetapi yang harus kita ingat, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa di dalam masa lebihkurang 10 tahun setelah kita mencapai kemerdekaan telah menjadi masalah kepada Kerajaan hendak memujuk dan merayu kepada rakyat jelata di luar bandar terutama sekali supaya mereka sendiri menghargai pelajaran oleh sebab telah diperkatakan oleh kita semua penganjur-penganjur di dalam negara kita pada waktu itu bahawa pelajaran merupakan kunci kemajuan.

Usaha-usaha Kerajaan Perikatan pada waktu itu untuk menanamkan semangat kesedaran penghargaan kepada pelajaran boleh dikatakan berjaya. Hinggakan kebanyakan elitis di dalam bidang pelajaran

di dalam negara kita ini yang merupakan privilege telah bertukar corak kepada satu keadaan di mana pelajaran dituntut oleh segala bidang, rakyat sebagai hak, sebagai right dan bukan lagi sebagai privilege.

Apakah implikasi penukaran sikap yang telah terjadi terutama sekali di kalangan rakyat jelata kita di luar bandar yang telah begitu lama tidak menyedari dan tidak menghargai pelajaran sebagai kunci kemajuan. Implikasinya ialah bahawa kalau pada masa-masa dahulu rakyat jelata di dalam bandar sahaja yang terkena pula dengan keadaan di mana mereka ini daripada satu keturunan sahaja telah dapat tempat di pusat-pusat pelajaran menengah dan tinggi dengan tidak ditandingi dan tidak dipersoalkan tetapi selepas kita berjaya menanamkan semangat kesedaran atas penghargaan pelajaran maka telah timbul persaingan dan telah timbul pula kemahuan cita-cita dan titik rakyat yang baru masuk di arina pelajaran setelah kita lama mencapai kemerdekaan.

Maka inilah yang menjadi dilemma kepada Kerajaan pada keseluruhannya. Pada saat kita membahaskan Usul yang dikemukakan, kita semua sedar dan menerima hakikat dan kenyataan bahawa oleh sebab Kerajaan telah berjaya menanamkan semangat menghargakan pelajaranlah maka kita telah tiba ke peringkat di mana kita tidak mampu memberi tempat kepada tiap-tiap seorang yang mahukan pelajaran menengah dan pelajaran tinggi di dalam negeri kita ini. Ini telah menjadi satu kenyataan. Walhal Kerajaan kita telah memastikan bahawa di peringkat rendah sesiapa juga rakyat jelata yang mahukan pelajaran peringkat rendah diberi tempat malahan diberi tempat percuma menduduki di sekolah-sekolah rendah walau bagaimanapun dhaif rupa sekolah rendah itu, tempatnya diberi kepada rakyat jelata.

Tetapi kenyataannya ialah bahawa di peringkat menengah kita tidak dapat memberi tempat kepada ke semua anak kita walaupun mereka didapati ada kelayakan barangkali, ada kebolehan dan nasib untung mereka selepas mereka lulus di peringkat rendah begitu gelap tetapi kenyataannya ialah bahawa mereka terpaksa tidak dapat diberi tempat.

Lebih-lebih lagi, pula, Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini menjadi satu keadaan yang boleh dikatakan tidak memuaskan hati di peringkat pelajaran tinggi oleh sebab

mengikut angka-angka yang telah diperkatakan oleh tiap-tiap seorang yang bangun tadi dan angka-angka yang ada di dalam tangan saya sendiri selaku Menteri Pelajaran di dalam negara kita ini sahaja pada tahun 1978 ini hanya kita dapat memberi tempat yang terhad sahaja kepada mereka yang ada kelulusan boleh masuk ke peringkat universiti.

Pada tahun 1978 ini daripada 30,265 pemohon-pemohon untuk masuk ke universiti-universiti tempatan, 23,828 orang gagal mendapat tempat. Dan saya suka menegaskan di sini bahawa mereka yang gagal bukan terdiri daripada satu kaum sahaja malahan terdiri daripada berbilang keturunan mereka yang benar-benar berhasrat dan bercita-cita untuk meninggikan pelajaran mereka supaya mereka dapat hidup dengan sempurna di dalam masyarakat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Usul Ahli Yang Berhormat dari Petaling ialah untuk meminda Akta Universiti dan Universiti Kolej 1971. Saya suka mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa tujuan Kerajaan menggubal Akta yang tersebut ialah supaya dapat kita mengawal bidang pelajaran tinggi di dalam negara kita ini supaya jangan pula nanti pada masa-masa yang akan datang bidang pelajaran tinggi kita menjadi keadaan yang kucar-kacir, keadaan di mana seseorang yang lulus pelajaran tinggi tidak dapat menghargai kelulusannya sendiri jauh-jauh lagi pula bilangan masyarakat sendiri tidak dapat menghargai dan menerima kelulusan lepasan-lepasan universiti-universiti ini.

Saya suka menyatakan bahawa proses pengawasan ini perlu dijalankan oleh Kerajaan. Tetapi dari segi samada Kerajaan boleh membenarkan atau tidak pihak swasta menubuhkan sesuatu universiti, pada pendapat saya tidak timbul di dalam perbahasan ini oleh sebab Akta yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini ialah merupakan satu Akta yang lengkap dan telah disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi bahawa memang sudah ada peruntukan-peruntukan di dalam Akta ini yang membolehkan penubuhan Institusi-institusi Pengajian Tinggi asalkan ianya memenuhi syarat-syarat di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong puashati bahawa penubuhan sesuatu universiti itu benar-benar menampung hasrat dan cita-cita serta kepentingan negara.

Saya mengaku bahawa saya telah menyatakan bagaimanapun pada masa ini Kerajaan terpaksa menolak permohonan menubuhkan sesuatu institusi yang hendak didirikan oleh pihak swasta. Tetapi yang pertama haruslah difahamkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penolakan ini dibuat di dalam konteks permohonan penubuhan satu universiti yang dinamakan Universiti Merdeka yang dibuat oleh satu syarikat yang dinamakan Universiti Merdeka Berhad. Saya tidak mahu menyebut tentang soal penubuhan Universiti Merdeka ini oleh sebab kita akan berpeluang penuh untuk mengkajinya dan membahasnya dengan sedalam-dalam nanti seperti diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Yang kedua, sebabnya maka Kerajaan terpaksa menolak permohonan penubuhan sesuatu universiti oleh pihak swasta ialah bahawa pada masa ini Kerajaan sedang menjalankan proses konsolidisasi di peringkat pelajaran tinggi di negara kita. Apabila saya baru sahaja mengambilalih tanggungjawab saya selaku Menteri Pelajaran pada permulaan tahun 1978 ini saya telah mengisytiharkan dan menyatakan bagaimana perlunya kelima-lima universiti yang ada di dalam negara kita ini mengconsolidatekan kedudukannya dan lebih-lebih lagi bagaimana pihak Kementerian saya sendiri sedang menjalankan proses pengkajian atas kemajuan-kemajuan ataupun kebuntuan-kebuntuan yang telah tercapai atau terjadi di dalam masa universiti-universiti di dalam negara kita ini telah ditubuhkan. Kita tidak harus lupa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di dalam masa kurang daripada 10 tahun, khususnya di dalam masa lebih kurang 8 tahun sahaja, negara kita telah menubuhkan 4 universiti sebagai tambahan kepada Universiti Malaya. Apakah ini bermakna bahawa kita telah berjaya di bidang pelajaran tinggi? Apakah ini bermakna bahawa kita telah cukup memberi tempat kepada anak-anak kita di institusi-institusi pelajaran tinggi itu? Dari beberapa faktor kita tidak boleh dapat jawapannya. Oleh sebab faktor-faktor yang begitu kompleks harus dipertimbangkan dengan sehalus-halusnya oleh Kerajaan sebelum apa-apa juga keputusan hendak dibuat samada lebih lagi universiti atau tidak harus didirikan di dalam negara kita ini.

Saya suka menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya tidak pasti samada pihak swasta akan mampu mendirikan sesuatu universiti mereka sendiri jauh-jauh lagi pula pihak swasta dapat menampung ataupun sustain kewujudan universiti yang didirikan oleh mereka. Saya menyatakan demikian oleh sebab Kerajaan kita ada pengalaman dari segi pembinaan universiti-universiti. Telah dibuat anggaran bahawa untuk kita mendirikan sesuatu universiti sebagai permulaan kita berkehendakkan lebih kurang \$100 juta. Misalnya, apabila Kerajaan menubuhkan Fakulti Perubatan sahaja di Universiti Kebangsaan ianya telah memakan belanja sebanyak \$50 juta. Ini barangkali tidak menjadi soal di peringkat swasta berasas kepada semangat untuk mendirikan sesuatu universiti oleh mana-mana pihak juga. Boleh dikatakan begitu banyak millionaire-millionaire, orang-orang biasa, Ahli-ahli Yang Berhormat mengeluarkan wang hingga ke peringkat \$100 juta. Bagaimana pula belanja pengurusan telah dianggarkan oleh Kerajaan bahawa sekecil-kecil universiti yang ada di dalam negara kita ini yang menampung lebih kurang 2,000 orang berkehendak perbelanjaan lebih daripada \$30 juta setahun. Sebesar-besar universiti yang ada dalam negara kita pada masa ini yang dapat menampung anak-anak kita sebanyak lebih kurang 8,000 orang berkehendak perbelanjaan pengurusan tiap-tiap tahun sebanyak \$50 juta. Bolehkah kita mengurus universiti semata-mata dengan semangat? Tidak boleh dan saya menafikan ini bukan berasas kepada spekulasi sahaja, tetapi berasas kepada contoh-contoh dan bukti-bukti yang jelas dan terang boleh didapati oleh sesiapa juga yang suka mengkaji kedudukan sebenarnya dari segi pentadbiran universiti-universiti swasta.

Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang daripada Kota Melaka menyebutkan universiti-universiti di negeri Jepun dan Amerika dan sebagainya. Memang benar ada universiti swasta, tetapi sebagai permulaan jangan kita pergi jauh ke Amerika Syarikat ataupun ke Jepun pergi ke Singapura, penubuhan universiti yang dikenal sebagai Nanyang University. Apabila universiti ini ditubuhkan semangat begitu meluap-luap di kalangan mereka keturunan China di dalam negara kita ini, berjuta-juta ringgit telah dapat dipungut daripada millionaire-millionaire, hartawan-hartawan, daripada keturunan

China dan jangan lupa begitu banyak juga, beribu-ribu ringgit juga telah dapat dikutip daripada pengayuh beca, daripada nelayan, daripada orang-orang biasa daripada keturunan China dengan semangat yang begitu kuat hingga Universiti Nanyang telah dapat ditubuhkan. Tetapi setelah berapa tahun sahaja Universiti Nanyang itu telah diambil-alih terpaksa diambilalih oleh siapa?—Kerajaan Singapura dan nah! lihat nasib untung Universiti Nanyang sekarang yang telah diambilalih oleh Kerajaan Singapura ditukarnya bahasa pengantarnya kepada bahasa Inggeris dan yang anihnya parti Pembangkang mendiamkan diri daripada tanah besar Tanah Melayu (*Tepuk*) di mana wang daripada orang biasa yang telah dipungut dengan begitu semangat diambil alih, ditukar corak, dikontrol 100% oleh Kerajaan. Nah! apa terjadi kepada universiti swasta yang didirikan dengan begitu kuat semangat di kalangan satu keturunan di dalam negara kita pada waktu itu dan sekarang menjadi negara lain daripada negara kita.

Kalau kita hendak pergi jauh daripada Singapura boleh—di Amerika memang benar ada banyak universiti-universiti swasta—Yale University, Harvard University dan begitu banyak universiti di Amerika tetapi kalau kita mengkaji atas keadaan universiti-universiti ini di dalam Amerika Syarikat sendiri pada masa ini satu krisis sedang terjadi di Amerika Syarikat—krisis pentadbiran universiti-universiti swasta itu. Di mana yang pertama, tiap-tiap satu daripada universiti ini terpaksa menaikkan perbelanjaannya ataupun pembayaran yang dikenakan kepada mahasiswa-mahasiswa yang mahu belajar di universiti-universiti itu hinggakan tempat di universiti-universiti di Amerika menjadi “beyond the means of the ordinary man, beyond the means of the ordinary citizen”. Kedua, apa yang terjadi di Amerika Syarikat ialah di mana universiti-universiti ini terpaksa mengadvertisekan mereka sendiri di kalangan talivisyen, di suratkhbar, di majallah-majallah oleh sebab mereka hendak mencari customers seolah-olah pelajaran tinggi itu menjadi satu perniagaan di dalam masyarakat itu. Barangkali anggota daripada Pembangkang hendak berniaga pelajaran tinggi (*Tepuk*). Kalau hendak berniaga di peringkat pelajaran tinggi “all the very best to you all”.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa negara kita Malaysia ini ialah merupakan satu negara yang benar-benar mengikuti konsep Demokrasi Berparlimen di mana tiap-tiap seorang wakil rakyat diberi kebebasan bercakap di dalam Parlimen dan juga di luar Parlimen. Diberi kebebasan dan diberi hak asasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tetapi kita di peringkat Kerajaan tidak menafikan bahawa Demokrasi Berparlimen, kebebasan hak asasi semuanya ini terpaksa ada hadnya malahan terpaksa dikenakan syarat-syarat yang tertentu termaktub di dalam Perlembagaan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan diterima oleh rakyat jelata di dalam negara kita ini. Benar, hak asasi ada di dalam Perlembagaan dan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menyatakan bahawa kita telah menyeleweng daripada hak asasi ini.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada Fasal 10 di dalam Perlembagaan kita yang bertajuk “Freedom of Speech, assembly and association di mana Fasal 10 (1) telah disebutkan:

“10 (1) Subject to Clause (2) (3) and (4):

- (a) every citizen has the right to freedom of speech and expression;
- (b) all citizens have the right to assemble peacefully and without arms;
- (c) all citizens have the right to form associations”

including Merdeka University Berhad. Tetapi kalau kita terus membaca Perlembagaan kita Pecahan (3) di bawah Fasal 10 ini pula kita boleh nampak dengan jelasnya, saya quote:

“10 (3) Restrictions on the right to form associations conferred by paragraph (c) of Clause (1) may also be imposed by any law relating to labour or education”.

Inilah yang perlu difahami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat apabila kita mempertikalkan atau mempersoalkan soal hak asasi ataupun constitutional rights seseorang Warganegara di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sukalah saya menegaskan apa yang telah ditegaskan oleh tiap-tiap seorang rakan saya daripada parti Barisan Nasional apabila mereka mengambil bahagian di dalam perbahasan ini ia-itu Kerajaan terpaksa menolak usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat

dari Petaling itu berasas kepada hujjah-hujjah yang rational dan bukan emotional, hujjah-hujjah yang benar-benar diberi berasas kepada kepentingan negara dan bukan berasas kepada kepentingan vested political interest (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian sukalah saya menyatakan penghargaan saya kepada tiap-tiap seorang yang telah bangun bercakap bersama-sama dengan saya membangkang dan menyatakan hasrat mereka tidak dapat menerima usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang membawa usul tetapi tumpukan mengikut Peraturan Mesyuarat ini kepada hujjah-hujjah yang telah dikeluarkan untuk dijawab.

7.20 mlm.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan dalam masa saya menjadi Ahli Dewan Rakyat untuk selama sembilan tahun saya tidak pernah merasa begitu sedih dan berat hati selain daripada petang hari ini.

Apa-apa tuduhan-tuduhan yang liar dan tidak bertanggungjawab yang dilemparkan kepada saya dan rakan-rakan saya khasnya daripada Presiden MCA, yang sekarang tidak ada di sini, tidak boleh menafikan bahawa rakan-rakan dan saya membawa usul ini menurut hasrat aspirasi yang sah, yang jujur rakyat dan demi kepentingan negara. Saya rasa tidak seorang yang boleh berkata bahawa mereka ada privilege atau monopoly terhadap ketaatsetiaan, pencintaan tanahair kita, tetapi nampaknya dalam Dewan ini ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu rakyat percaya dan rasa bahawa merekalah sahaja yang taat-setia dan cinta negara ini.

Saya telah berharap pada awalnya bahawa usul ini akan dapat pertimbangan yang rational dan bukan mengikut speculation politics. Kita dituduhkan memainkan politik, ada tujuan politik, tetapi sebenarnya orang-orang yang menggunakan kaca mata politik ialah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Barisan Nasional yang baru berucap.

Itu kita boleh nampak daripada ucapan-ucapan mereka dan ada banyak ucapan-ucapan yang sangat nyata sudah siap disediakan, belum mendengar, tahu membaca sahaja, tidak bersangkut-paut dengan hujjah-hujjah yang kita kemukakan. Kita bukan datang ke sini untuk main-main. Mungkin—kecuali Yang Berhormat Menteri Pelajaran (*Ketawa*). Tetapi saya mahu ingat Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini bukan satu perkara yang kecil, satu perkara yang tidak ada.

Tadi saya ada berkata, saya bercakap dengan hati yang berat selepas mendengar apa yang diucapkan, bukan sahaja sebagai seorang Wakil Rakyat dalam tempoh sembilan tahun yang dapat tahu suka-duka rakyat yang biasa, bukan Menteri-menteri atau Ahli-ahli Parlimen—rakyat biasa dan pun sebagai seorang bapa yang ada anak-anak di dalam negara ini. Kita bukan datang ke sini untuk score political points. Pilihanraya sudah lepas. Dalam bulan April Yang Berhormat Menteri Pelajaran berkata, selalu apabila Pilihanraya Besar datang perkara ini timbul. Sekarang Pilihanraya Besar sudah lepas tetapi perkara ini timbul bukan oleh kerana Pilihanraya Besar, bukan oleh kerana undi-undi pengundi-pengundi, tetapi oleh kerana masa depan rakyat dan anak-anak kita.

Dalam ucapan-ucapan daripada tokoh-tokoh parti-parti komponen dalam Barisan Nasional ada banyak hujah yang dikemukakan kenapa mereka terpaksa menolak usul ini. Wakil daripada SUPP, SNAP, MIC yang termasuk berkata bahawa di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti usul ini tidak perlu, sudah ada peruntukan yang membenarkan universiti-universiti swasta dan tadi Yang Berhormat Menteri pun berkata bahawa itu satu perkara yang open, tidak tahu ada atau tidak ada peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti yang membenarkan universiti-universiti swasta ditubuhkan. Saya hendak bertanya di sini, kalau Yang Berhormat Menteri rela dan sanggup jawab, saya beri jalan. Adakah di bawah Akta Kolej dan Kolej Universiti, Fasal 5, 6 dan 7 yang membolehkan diadakan peruntukan mengadakan satu universiti swasta, bukan universiti swasta yang namanya sahaja tetapi daripada segi kewangan, punca

daripada rakyat tadbiran dijalankan oleh penaja-penaja dan bukan dilantik oleh Kerajaan oleh kerana ini tidak lagi universiti swasta

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan ini jangan dipanjangkan untuk dijawab. Sebagai "blank cheque" tidak ada di dalam Akta ini. Biar saya habis jawab sebab tadi diminta saya menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: (*Kepada Tuan Lim Kit Siang*) Sabar, duduklah dahulu! Tadi sudah bertanya, sudah dijawab, hendak bangun pula? (*Ketawa*).

Dato' Musa Hitam: Tetapi sebagai satu pengawasan pelajaran tinggi, saya akan membacakan provisions yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila baca.

Dato' Musa Hitam: Fasal 6 (1) dalam bahasa Inggeris, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, diizinkan.

Dato' Musa Hitam: "6 (1) If the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that it is expedient in the national interest that a Universiti should be established, he may by order—

(a) xx xx xx

(b) xx xx xx

(c) xx xx xx".

The onus is on the private sector to convince the Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan dalam Akta. Yang disebutkan kemudian itu bukan Akta.

Dato' Musa Hitam: Minta maaf. Excited sedikit, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Nasib baik Yang di-Pertua tidak excited.

Dato' Musa Hitam: Terpuhlalah kepada pihak swasta dan siapa juga membuktikan kepada Duli Yang Maha Mulia bahawa penubuhan universiti itu ialah "expedient in the national interest". Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Dan bukan pun mengikut Akta UUCA bahawa universiti yang dicorporated mengikut fasal itu majlis-majlis dan lain-lain, leaving aside the Chancellor and the Vice-Chancellor, akan dilantik oleh Kerajaan.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bertanya soal itu?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Musa Hitam: Benar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan macam ini lagi, sekarang jawab hujah-hujah sahaja. Saya pun tertarik juga dengan perbincangan ini. (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kata benar bahawa universiti yang beliau sebut sungguhpun boleh memuaskan (satisfy) Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong selepas nasihat daripadanya, saya tidak tahu samada Kabinet atau Yang Berhormat Menteri Pelajaran—pentadbiran dan constitution itu sebenarnya pun macam satu badan Kerajaan itu bukan perkara private universiti, dan sebab itulah ada hujah-hujah daripada parti-parti komponen bahawa sebenarnya ada tetapi mereka tahu tidak ada. Dan sebab itu antara tiga sebab yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO kenapa Merdeka Universiti ditolak ialah oleh kerana Universiti akan dikelolakan oleh perbadanan swasta. Adakah itu sebab yang benar atau Yang Berhormat Menteri mahu tarik balik sebab itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya sudah ingatkan tadi dalam masa membuka ucapan tadi Yang Berhormat sudah sebutkan perkara ini. Sekarang hanya sebut apa hujah untuk menjawab mengikut Peraturan Mesyuarat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu timbul daripada Ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan soalan demi soalan, saya terpaksa menjawab tetapi kalau dia sekarang memberi hujah sebagai jawapan kepada hujah-hujah, saya bolehlah diam. Kalau dia tanya saya

jawab, tetapi saya minta Tuan Yang di-Pertua memberi masa saya panjang sedikit menjawab bukan dengan satu huruf sahaja, kalaulah ditanya sekali lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau dibenarkan saya pun setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Dan lagi satu hujah mengatakan bahawa ada peruntukan untuk penubuhan universiti swasta di dalam UUCA tidak benar dan ini disebutkan dalam ucapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang mahu celah tetapi sampai sekarang tidak ada mencelah dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan tidak mahu universiti swasta. Itu dasar Kerajaan. Dan sebab itu

Dato' Chan Siang Sun: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana perkara ini sudah disebut dalam Dewan ini saya mahu tahu di manakah ucapan itu telah diberikan, kalau dalam Dewan ini mesti ada tercatat dalam Hansard. Kalau tidak, saya minta Ahli Yang Berhormat itu tarik balik. Ahli Yang Berhormat boleh check dari *Hansard* Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tak faham apa yang saya cakap. Saya cakap dalam bulan Mac/April, saya ada beri notis mahu kemukakan satu usul mengenai Universiti Merdeka, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sediakan satu teks jawapan bagi pihak Kerajaan di mana beliau berkata sebab-sebab Kerajaan Barisan Nasional mahu tolak Universiti Merdeka. Adakah beliau nafikan teks ucapan beliau?

Dato' Chan Siang Sun: Ucapan itu tidak dibawa dalam Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak apa. Ucapan ini disediakan.

Dato' Chan Siang Sun: Itu bukan ucapan dalam Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah dinafikan teks ucapan itu pernah disediakan?

Dato' Chan Siang Sun: Nafikan.

Tuan Lim Kit Siang: Nafikan apa?

Dato' Chan Siang Sun: Bukan ucapan dalam Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Kita semua tahu tidak diucapkan dalam Dewan ini tetapi disediakan untuk diucapkan tetapi usul saya disabotaj dengan tidak beri masa untuk dibahaskan. Tetapi saya mahu dengar adakah dinafikan bahawa ucapan itu disediakan? Saya mahu tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang tak diucapkan jangan diada-adakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi ini satu kenyataan, satu fact.

Dato' Chan Siang Sun: Boleh jadi dia buat kenyataan itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tahu adakah benar, adakah beliau sanggup berkata dalam Dewan ini bahawa ini tidak benar. Kalau begitu, kita boleh kemukakan perkara ini kepada Committee of Privileges, bila-bila . . .

Dato' Chan Siang Sun: Oleh sebab perkara ini tak benar, ucapan tak pernah dibuat dalam Dewan

Tuan Lim Kit Siang: Apa tak benar?

Dato' Musa Hitam: Saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling samada apabila seseorang itu mendapat sesuatu dokumen yang sedia ataupun sebagai deraf sesuatu ucapan, kenyataan itu dianggap sebagai ucapan dan kenyataan walaupun itu menjadi private ownership kepada seseorang itu sebelum dia menjadi public.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum menjawab soalan itu, saya mahu bertanya, adakah ini disediakan? Soal itu perkara yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkara tak penting. Jangan bawa perkara itu lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ini untuk memperkuatkan hujah-hujah saya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat itu sudah berucap, bolehlah dibahaskan tetapi dia tak berucap. Jangan adakan barang yang tak ada.

Tuan Lim Kit Siang: Sangat malulah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, teruskan! kalau tidak saya tamatkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ucapan-ucapan dan pendirian tokoh pemimpin Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengenai kedudukan universiti-universiti swasta dalam UUCA sebab itulah usul ini perlu untuk membersihkan dan menghapuskan semua kekekurangan mengenai perkara ini dan dalam usul ini tidak ada disebut samada tujuan untuk membina University Merdeka ataupun apa-apa universiti, mungkin Islamic University atau apa-apa universiti. (*Disampuk*) Ya, tentang. Tak setuju Islamic University. Pihak Barisan Nasional tak setuju Islamic University. Dan tak ada sebab kenapa usul ini ditentang atau dikutuk oleh kerana kalau tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mengatakan pada masa hadapan bukan sahaja sekarang anak-anak dan pelajar bukan Melayu tidak dapat tempat dalam institusi pelajaran tinggi sekarang pun sudah ada pelajar bumiputra (Melayu) yang tidak dapat belajar. Maka oleh sebab itu satu universiti swasta boleh memberi sumbangan. Tidak mahu? (*Disampuk*) Barisan Nasional ada tokoh-tokoh banyak duit, tokeh Empat Ekor banyak duit.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sangat gembira bahawa Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ada di sini kerana beliau ada bercakap panjang, dan saya rasa tidak boleh dibiarkan tanpa diberi ulasan. Apa yang beliau bercakap dan rasa saya, saya tengok seorang kelakar (clown) tetapi selepas setengah jalan saya dengar lagi hujah-hujah beliau. Saya rasa sedih oleh kerana saya belum lihat seorang, satu specimen manusia yang begitu shameful. Saya teringat satu saying, Tuan Yang di-Pertua: "Those whom the Gods wish to destroy they first make insane".

Tuan Yang di-Pertua: Itu kena kepada semua pihak, bukan kepada satu pihak sahaja (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi kalau semua pihak

Tuan Yang di-Pertua: God pandang semua sama sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi God tidak beri seorang berdiri dan bercakap semacam apa yang saya dengar tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, jangan beri hujah lain pula.

Tuan Lim Kit Siang: Antara tuduhan yang dilemparkan ialah kami dalam DAP adalah political opportunists, mahu gunakan politik untuk peluang-peluang sendiri. Kami dalam DAP tidak masuk politik oleh kerana political opportunism, tak semacam tokoh-tokoh Barisan Nasional. Kita dalam DAP, sejarah boleh tunjuk bukti, rakyat tahu kita mesti bayar harga yang tinggi (korban) tetapi kita tahu dalam Barisan Nasional ada orang yang masuk politik yang boleh jadi jutawan semacam Ahli Yang Berhormat sendiri sekarang jadi jutawan.

Tetapi kita tahu dalam Barisan Nasional ada orang yang masuk politik yang boleh jadi jutawan semacam Yang Berhormat itu sendiri, sekarang menjadi jutawan. Kita ada cabar beliau supaya declare assets—umumkan hartanya, takut, kenapa, tunjuklah yang beliau bukan political opportunist. Kalau beliau tidak rela menunjukkan yang beliau bukan political opportunist, umumkan harta bendanya, itulah political chicken (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, kita bawa usul ini oleh kerana kita ada harapan iaitu dalam perkara ini kita boleh dapat semua ahli-ahli politik berfikir dan mencari satu jalan untuk anak-anak kita. Saya boleh rasa "a cry of despair" dalam masyarakat. Mungkin inilah ada orang yang empathy dan perasaan begitu tebal itu tidak boleh merasakan. Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ada berkata bahawa MCA condemned the DAP atas usul ini. Saya kata beliau boleh condemn DAP. Beliau boleh condemn saya, itu tidak mustahak tetapi rakyat condemn MCA, rakyat condemn mereka yang ditunjukkan dalam pilihanraya umum baharu-baharu ini dan dengan sebab itu beliau takut datang ke kawasan-kawasan bandar dan beliau berkata yang kita akan kalah bahawa saya lari daripada Kota Melaka akan kalah juga di Petaling, apa yang telah terjadi. Semua hujah-hujah untuk mengeluarkan perasaan dendam, mengeluarkan perasaan frustration oleh kerana beliau telah ditolak oleh rakyat. Sebenarnya cawangan-cawangan MCA di Pontian telah meluluskan usul supaya dia meletakkan

jawatan (resign) dan beliau telah mengarahkan suratkhobar jangan menyiarkan berita itu, adakah itu benar. Berita itu ada keluar dalam suratkhobar di muka depan tetapi itu semua dapat wang daripada Barisan Nasional (*Ketawa*). Pontian MCA, Pemuda MCA, Wanita MCA Pontian, adakah benar. Itu bukan wang DAP?

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa kena-mengena dengan Akta ini? (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Itu yang dikatakan political opportunist. Sebab itu tadi saya berkata lebih baiklah kita tumpukan perhatian tetapi kalau mahu buat lemparan, tuduhan yang tidak bertanggungjawab, nanti akan ada balasannya. Beliau sendiri yang memintanya.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan-ucapan Yang Berhormat Menteri daripada MCA adalah satu ucapan frustration dan bukan mewakili hasrat rakyat, kalau ada mewakili sesiapa, mungkin tokoh-tokoh 4 nombor ekor.

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa marah sangat dengan empot ekor ini? (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri tahu semuanya itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah berkata bahawa beliau tidak bersetuju dengan konsep usul ini dan mengatakan dengan terus terang mengenai universiti-universiti swasta. Saya ingat pada minggu lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili kawasan Nibong Tebal ada menyeru Kerajaan supaya membenarkan universiti-universiti swasta ditubuhkan, inilah apa yang berlaku di luar Dewan sebuah lagu dimainkan, dalam Dewan lain lagu pula. Apa yang telah berlaku? Adakah kita mahu consistent dalam apa yang patut, apa yang benar, kita mesti berani berdiri tegas bukan keberanian yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, keberanian supaya boleh mendapat pujian-pujian daripada tokoh-tokoh Barisan Nasional, itu senang sahaja. Tadi saya ada mendengar ucapan-ucapan nampaknya mereka berharap dalam rombakan Kabinet yang baharu mungkin Timbalan Menteri boleh menjadi Menteri.

Dr Goh Cheng Teik: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong sabar. Nama Yang Berhormat dari Nibong Tebal tadi ada disebutkan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyebutkan nama saya, izinkan saya jelaskan bahawa kami dalam Barisan Nasional telah mendapat satu persetujuan dan persetujuan itu telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi dan saya percaya bahawa ramai orang dapat memahami dan menerima penerangan Menteri Pelajaran tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasannya itu, saya pun tidak faham, lebih baik dia jangan bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Telok Kemang tadi ada memberi satu amaran—gambaran bahawa DAP sebuah parti yang merbahaya iaitu issue yang dikemukakan sangat merbahaya, sensitif dan mungkin mahu mengetatkan lagi undang-undang. Apakah beliau bermaksud bahawa beliau mahu panjangkan lagi senarai sensitif-sensitif issue kalau siapa yang menyebutnya iaitu ada rakyat yang tidak puas hati oleh kerana anak-anak mereka tidak dapat tempat pelajaran—itu sensitif, dipenjarakan, sedition. Adakah itu ertinya? Kita datang di sini untuk berbincang, menimbang bukan datang di sini untuk mendengar amaran. Adakah ini satu tokoh daripada sebuah parti yang bercakap demokrasi, oh! ada hak-hak asasi dalam Perlembagaan tetapi ada restriction, restriction lebih daripada peruntukan hak-hak asasi, itulah demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan!

Tuan Lim Kit Siang: Dan apabila saya sebutkan tadi mengenai luar Dewan—satu lagu dalam Dewan—satu lagu di luar, itu pun sama berjaya. Dua hari dahulu Yang Berhormat dari Ulu Padas yang juga Ketua Menteri Sabah telah berkata beliau boleh menyokong universiti swasta bersendirian tetapi di sini kita dengar tentang

Datuk Harris bin Mohd. Salleh (Ulu Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Untuk penjelasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan di bawah Fasal 37 (2).

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: On a point of order. (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Order, order!

Tuan Lim Kit Siang: Kita dalam DAP tidak takut, kita pernah masuk penjara dan keluar penjara. Orang yang takut ialah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang belum masuk penjara tidak tahu apa itu penjara.

Tuan Yang di-Pertua: Order, Order! Yang Berhormat sudah bercakap setengah jam. Saya beri 10 minit lagi kerana saya hendak tamatkan pada pukul 8.00.

Tuan Lim Kit Siang: Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu pada keseluruhannya menggulung usul ini.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan beberapa masalah-masalah yang berkaitan yang akan timbul apabila sebuah universiti swasta diadakan seperti masalah kewangan, masalah mutu pelajaran dan akademik dan lain-lain tentulah kita semua sedar mengenai perkara ini. Kita semua bertanggungjawab dan kita tidakpun mahu universiti-universiti atau institusi-institusi pelajaran apa-apa peringkat menjadi apa yang disebutkan bengkel pengeluaran pelajar-pelajar yang tidak bermutu dan tidak diiktirafkan oleh masyarakat atau tidak dihargai oleh sendiri tetapi itu semua masalah-masalah yang kita boleh bincang, kita boleh fikir, kita boleh cuba mengatasinya. Masalah pokok ialah samada dalam tanahair kita apabila kita mencapai satu keadaan di mana begitu ramai anak-anak kita tidak boleh dapat tempat pelajaran tinggi dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri ada mengukui tadi bahawa Kerajaan tidak mampu dan kitapun tahu tidak mampu membagi tempat untuk setiap pelajar-pelajar yang layak. Kitapun tidak bercadang bahawa setiap pelajar itu diberi tempat tetapi apa yang kita mesti persetujui ialah kita mesti memperluaskan peluang-peluang pelajaran tinggi untuk lebih ramai anak-anak kita di masyarakat kita. Samada Yang Berhormat Menteri Pelajaran

dan Kerajaan tahu atau tidak tahu, sedar atau tidak sedar masalah ini ialah satu masalah yang dirasa oleh setiap keluarga, ibubapa yang ada anak-anak.

Tadi ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang nampaknya mereka tidak ber-setuju dengan usul ini oleh kerana mereka rasa langkah ini ialah mengancam, mengurangkan dan menafikan peluang-peluang pelajaran tinggi untuk bumiputra. Saya tadi ada dengan terus terang menegaskan, tiada siapa-pun mencadang bahawa peluang pelajaran tinggi untuk bumiputra, untuk anak-anak pelajar Melayu dikurangkan. Saya ada menitikberatkan bahawa rakyat Malaysia yang bukan Melayu faham betapa perlunya untuk membetulkan ketidak seimbangan peluang-peluang pelajaran di negara ini oleh kerana "accidents of history" mengikut istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Itu bukan masalah, selain daripada orang yang mahu sengaja mengeluarkan perkara ini sebagai satu sebab main emosi sahaja. Masalah ialah bagaimana kita boleh mengurangkan frustration yang sangat dalam di kalangan mereka yang tidak boleh dapat peluang-peluang pelajaran tinggi dan lagi dua tahun masaalah ini akan menjadi lebih rumit oleh kerana pintu-pintu kolej-kolej dan universiti-universiti dalam negara-negara Commonwealth akan tutup oleh kerana pelajar-pelajar kita tidak akan dapat menguasai bahasa Inggeris yang cukup untuk membolehkan mereka dapat masuk secara automatik seperti sekarang. Itulah masalah. Kenapa masalah ini ditwist sebagai political football. Yang Berhormat Menteri ada di masa yang lampau berkata pelajaran digunakan sebagai political football. Saya hendak tanya siapa guna pelajaran sebagai political football? Barisan Nasional, Barisan Nasional suara banyak. Sebab itu kita harap kita datang sini tidak mahu score political points. Kita datang sini kita mahu bersuara perkara-perkara yang bertaraf national importance, dapat diakui, difaham dan selesai. Sungguhpun dalam pengundian usul ini mungkin kalah, Whip akan digunakan oleh Barisan Nasional supaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional akan menentang usul ini tetapi usul kalah atau tidak kalah semangat, tujuan aspirasi usul ini tidak boleh dikalahkan dengan undi 130 atau 140 Ahli-ahli Parlimen. Kalau kita tidak mahu faham dan terima aspirasi itu bukan DAP yang kalah, bukan Barisan Nasional yang kalahpun, Malaysia yang kalah. Ada beberapa Yang Berhormat Menteri yang mengambil sikap yang ringan, sikap

main-main, itulah privilege mereka, privilege untuk sikap yang tidak bertanggungjawab itulah privilege Menteri-menteri Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya baru mahu sebut bahawa janganlah kita bawa sikap perkauman terhadap satu masaalah yang nasional yang bukan merupakan satu perkara perkauman dan kalau kita anggap masaalah-masaalah itu masaalah-masaalah perkauman mungkinlah sebenarnya orang-orang yang mempunyai sikap itu yang sebenarnya sendiri berperkauman. Saya akan meminta satu division semasa undian supaya setiap Ahli Parlimen will go on record mengenai satu perkara yang begitu penting dan begitu mustahak terhadap masa depan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana pada permulaan perbahasan masalah ini tadi saya telah terangkan iaitu usul di bawah Peraturan 49 lazimnya tidak dibahaskan. Tetapi oleh sebab saya memandangkan usul ini sangat penting bagi negara dan bangsa seluruhnya maka sebab itulah saya telah benarkan usul ini dibahaskan begitu panjang lebar dan semua pihak telah dapat mengeluarkan segala pendapat dan hasratnya.

Sekarang soalnya ialah satu usul di atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang:

“Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1) mengizinkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang mengemukakan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1978 untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 untuk mengadakan peruntukan untuk penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti persendirian supaya membolehkan rakyat dengan menggunakan wang dan sumbangan mereka sendiri meluaskan peluang-peluang pelajaran tinggi untuk pelajar-pelajar Malaysia di sini.”

Oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi minta belahbahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat yang berkehendakan belahbahagian mestilah ada 15 orang Ahli yang menyokong. Yang menyokong hendakkan belahbahagian, sila bangun. (15 orang Ahli bangun)

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 15; Yang Tidak Bersetuju, 117; Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

1. Tuan Lim Kit Siang
2. Dr Chen Man Hin
3. Tuan Lee Lam Thye
4. Tuan P. Patto
5. Tuan Lim Cho Hock
6. Tuan Lee Kaw
7. Tuan Peter Paul Dason
8. Tuan Karpal Singh
9. Tuan Chan Teck Chan
10. Tuan V. David
11. Tuan Raymond Szetu
12. Tuan Seow Hun Khim
13. Tuan Wong Hoong Keat
14. Tuan Ting Cheek Moy
15. Tuan Fung Ket Wing.

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Dato' Hussein Onn
2. Dato' Lee San Choon
3. Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah
4. Tan Sri Ong Kee Hui
5. Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie
6. Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud
7. Dato' Michael Chen Wing Sum
8. Dato' Musa Hitam
9. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah
10. Datuk Abdul Samad bin Idris
11. Tan Sri Chong Hon Nyan
12. Dato' Shariff Ahmad
13. Dato' Mohamed bin Rahmat
14. Dato' Richard Ho Ung Hun
15. Tuan Paul Leong Khee Seong
16. Tuan Abdul Manan bin Othman
17. Tuan Leo Moggie anak Irok
18. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa
19. Dato' Chan Siang Sun

20. Dato' Mokhtar bin Haji Hashim
21. Dr Sulaiman bin Haji Daud
22. Dato' Haji Ramli bin Omar
23. Dr Goh Cheng Teik
24. Dato' Dr Neo Yee Pan
25. Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff
26. Tuan Edmund Langgu anak Saga
27. Puan Rafidah Aziz
28. Tuan K. Pathmanaban
29. Dato' Lew Sip Hon
30. Dr Ling Liong Sik
31. Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman
32. Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj
33. Dato' Abdullah bin Abdul Rahman
34. Tuan Sanusi bin Junid
35. Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
36. Dr Nik Hussein bin Abd. Rahman
37. Tuan Clarence E. Mansul
38. Tuan Luhah Wan
39. Tuan Jawan anak Empaling
40. Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar
41. Dato' Haji Embong bin Yahya
42. Tuan Shahrir bin Abdul Samad
43. Tuan Abdullah bin Haji Ahmad
44. Tuan Abu Hassan bin Haji Omar
45. Tuan Idris bin Abdul Rauf
46. Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik
47. Datuk Harris bin Mohd. Salleh
48. Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak
49. Tuan William Lye Chee Hien
50. Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman
51. Datuk Mansor bin Othman
52. Tuan Haji Hassan Adil bin Haji Arshad
53. Tuan Chin Hon Ngian
54. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad
55. Tuan Oo Gin Sun
56. Tuan A. K. Aliuddin
57. Tuan Thomas Salang Siden
58. Tuan Sibah Miyut anak Tagong
59. Dr Hee Tien Lai
60. Tuan Hashim bin Endut
61. Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin
62. Tuan Yusof bin Malim Kuning
63. Tuan Jamaluddin bin Suhaimi
64. Puan Chow Poh Kheng
65. Puan Wan Zainab binti M. A. Bakar
66. Tuan Lee Boon Peng
67. Datuk Stephen Robert Evans
68. Datuk Syed Hassan bin Syed Mohamed
69. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir
70. Tuan Ting Liang Kiew
71. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong
72. Dr Wong Soon Kai
73. Tuan Yang Choong Fu
74. Dr Tan Koon Swan
75. Tuan Umar bin Haji Ismail
76. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj
77. Tuan Kamaluddin bin Maamor
78. Tuan Bujang bin Haji Ulis
79. Tuan Alias bin Md. Ali
80. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali
81. Tuan Ismail bin Arshad
82. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali
83. Tuan Ibrahim bin Muhammad
84. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin
85. Tuan Shaari bin Jusoh
86. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais
87. Datuk Stephen Yong Kuet Tze
88. Datuk James Peter Ongkili
89. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
90. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim
91. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad
92. Tuan Hishamuddin bin Yahya
93. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim
94. Tuan Lim Kian Hoon
95. Tuan Edwin anak Tangkun
96. Tuan Liben anak Kato
97. Tuan Chieng Tiong Kai

98. Tuan Racha Umong
99. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali
100. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed
101. Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir
102. Tuan Ismail @ Mansor bin Said
103. Tuan Askar bin Hasbollah
104. Datuk Haji Sakaran bin Dandai
105. Dr Tan Tiong Hong
106. Tuan Leonard Linggi anak Jugah
107. Tuan Awang bin Jabar
108. Tuan Abdul Rahman bin Daud
109. Tuan Hussein bin Mahmood
110. Tuan Hiew Nyuk Ying
111. Tuan Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad

112. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar
113. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat
114. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
115. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali
116. Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad
117. Tuan Mark Koding.

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Usul tidak dipersetujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 11hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.09 malam.